



Hujung Minggu

فليتا بروني

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG

IMSAK 4.40

SUBUH 4.50

SYURUK 6.07

DUHA 6.29

ZUHUR 12.10

ASAR 3.23

MAGHRIB 6.10

ISYAK 7.19

Daerah Belait ditambah 3 minit  
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 120

5 OKTOBER 2024 / 1446

يَوْمُ الْآخِر

1

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

مانيسن ايمان

"SESUNGGUHNYA Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan amanah-amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya) dan apabila kamu menjalankan hukum antara manusia (hendaklah) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah (dengan suruhannya itu) memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat".  
- Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah An-Nisa, ayat 58.

# PENGINTEGRASIAN MEMPERKASA KEBOLEHAN, PENGALAMAN PELAJAR



Oleh : Nooratini Haji Abas

**BERAKAS**, Khamis, 3 Oktober. - Transformasi pendidikan bukan terhad kepada teknologi dan infrastruktur canggih semata-mata, tetapi juga bersifat yang lebih besar dari itu. Ini termasuk aspek kesejahteraan untuk semua.

Malahan, 1 November 2023 telah menyaksikan satu transformasi dalam sistem pendidikan di mana mata pelajaran Agama telah diintegrasikan ke dalam sistem Pendidikan Umum bagi pelajar-pelajar Tahun 2 hingga Tahun 5.

Perkara ini ditekankan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah sempena Majlis Sambutan Hari Guru Kali Ke-34 Tahun 2024, yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, di sini, pagi tadi.

**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah sempena Majlis Sambutan Hari Guru Kali Ke-34, Tahun 2024 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa. - Foto : Muhammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid.

>> Muka 3

## Kebawah DYMM akan berangkat hadiri Sidang-sidang Kemuncak ASEAN Ke-44, Ke-45



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan berangkat ke 42th ASEAN. - Foto : Jabatan Penerangan.



## Berita Utama



19 Pegawai Kanan ABDB naik pangkat

Muka 10

## AP BAKU 2024

e 29th Annual Conference and General Meeting  
of the International Association of Prosecutors  
29 September - 02 October 2024



TINGKATKAN kerjasama  
antarabangsa dalam  
memerangi jenayah

Muka 15



DBP anjur Wacana Seni Teater

Muka 22



RENCANA

SENTIASA berbuat baik kepada  
warga emas

Muka 29

# Penjawat awam tulang belakang dalam kejayaan rancangan negara

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh**  
**Bismillaahir Rahmaanir Raheem**  
**Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,**  
**Wabihee Nasta'eenu 'Alaa**  
**Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu'**  
**Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen,**  
**Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa**  
**Aalihee Wasabihee Ajma'een, Waba'du.**

**B**EZA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya juga dapatlah kita berkumpul di Majlis Kemuncak Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-31, Tahun 2024 pada pagi ini.

Sesungguhnya sambutan ini adalah merupakan penghormatan kepada mereka yang berkhidmat tanpa mengenal penat lelah, yang memikul tanggungjawab berat, dan sentiasa berusaha untuk kemajuan negara.

Setiap penjawat awam adalah merupakan tulang belakang untuk menjayakan segala rancangan negara. Tanpa usaha mereka, semua rancangan akan terbengkalai dan menempuh jalan buntu.

Sambutan Hari Perkhidmatan Awam bukan setakat untuk meraikan kejayaan dan pencapaian sedia ada, tetapi lebih bermakna ialah untuk kita membina azam kearah masa depan yang lebih cerah.

Ini ada hubungan dengan tema sambutan, tentang dunia berubah begitu cepat, yang memerlukan Perkhidmatan Awam lebih bersedia untuk menghadapi

cabaran-cabaran baharu yang muncul.

Untuk mencapai matlamat Perkhidmatan Awam, inovasi dan teknologi adalah kunci utamanya. Melalui teknologi canggih dan pendekatan inovatif, kita tidak hanya meningkatkan efisiensi dan kualiti perkhidmatan, tetapi juga memastikan bahawa setiap yang berkenaan mendapat pengalaman yang sempurna.

Dengan teknologi terkini seperti sistem data besar, Kecerdasan Buatan dan aplikasi mudah alih, kita akan dapat merumuskan strategi yang lebih baik, meramalkan keperluan masyarakat dengan lebih tepat, dan menyampaikan perkhidmatan dengan lebih berkesan.

Namun, inovasi dalam Perkhidmatan Awam tidak hanya terhad kepada pengenalan sistem baharu, tetapi juga melibatkan perubahan cara berfikir dan bekerja.

Demikian antara asas transformasi dalam Perkhidmatan Awam, yang menuntut perubahan menyeluruh dalam cara bekerja dan berinteraksi dengan masyarakat.

Maka untuk itu, beta telah pun memperkenankan penubuhan Jawatankuasa Transformasi Perkhidmatan Awam yang diterajui oleh Jabatan Perdana Menteri dengan melibatkan keahlian sektor swasta termasuk Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs).

Dengan kepelbagaiannya keahlian itu nanti, dapatlah diharapkan sebarang dasar atau pembaharuan akan dapat dipertimbangkan secara holistik dengan penekanan kepada



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-31, Tahun 2024, pada Isnin, 26 Rabiuulawal 1446 Hijrah / 30 September 2024 Masih di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas, Negara Brunei Darussalam.**

pendekatan Whole of Nation dan Whole of Government.

Di sini, beta ingin mengingatkan supaya setiap penjawat awam akan sentiasa memelihara dan menanai misi kerajaan. Walaupun kita sudah banyak mencapai kejayaan, namun kita mesti terus berusaha untuk memperbaiki lagi keupayaan diri.

Dalam dunia yang semakin kompleks, warga penjawat awam perlu mencari peluang-peluang baharu, mencipta nilai tambah dan berfikir ligat untuk melihat Perkhidmatan Awam terus berada di hadapan.


>> Muka 10

## WAKTU SEMBAHYANG

Oktoper MASIHI	HARI	Rabiulakhir HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
5	SABTU	1	4 . 40	4 . 50	6 . 07	6 . 29	12 . 10	3 . 23	6 . 10	7 . 19
6	AHAD	2	4 . 40	4 . 50	6 . 07	6 . 29	12 . 09	3 . 23	6 . 10	7 . 19
7	ISNIN	3	4 . 39	4 . 49	6 . 07	6 . 29	12 . 09	3 . 23	6 . 10	7 . 19
8	SELASA	4	4 . 39	4 . 49	6 . 06	6 . 29	12 . 09	3 . 23	6 . 09	7 . 18
9	RABU	5	4 . 39	4 . 49	6 . 06	6 . 29	12 . 09	3 . 23	6 . 09	7 . 18
10	KHAMIS	6	4 . 39	4 . 49	6 . 06	6 . 29	12 . 08	3 . 24	6 . 08	7 . 18
11	JUMAAT	7	4 . 39	4 . 49	6 . 06	6 . 28	12 . 08	3 . 24	6 . 08	7 . 17

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI



Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

# Pengintegrasian memperkasa kebolehan, pengalaman pelajar

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin, Pg. Mohammad Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman, Ak. Md. Hasnal Ali Saodiqen Pg. Haji Abu Bakar

>> Muka 1

Perubahan ini menurut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, boleh menyumbang kepada penggunaan masa lebih optimum di samping memperluaskan lingkungan aktiviti pembelajaran, tidak hanya terbatas kepada persekitaran bilik darjah.

Pendekatan sebegini jelas titah baginda juga boleh memperkaya pengalaman pelajar melalui konteks baharu dan sekali gus merangsang kebolehan mereka beradaptasi di dunia yang semakin kompleks dan mencabar.

"Tetapi ini tidak bermakna pendidikan ugama diabaikan menjadi ke bawah. Semua pihak berkenaan perlu memahami perkara ini," tegas Kebawah DYMM lagi.

Menyentuh mengenai persiapan pelajar untuk menghadapi cabaran kehidupan, baginda seterusnya bertitah

menyatakan Negara Brunei Darussalam (NBD) telah menyertai satu penilaian antarabangsa anjuran Organisation for Economic Cooperation and Development (OECD) iaitu Programme for International Student Assessment (PISA) pada tahun 2022.

"Alhamdulillah, terdapat peningkatan pencapaian dalam kesemua tiga ruang lingkup yang dinilai, berbanding pencapaian PISA 2018.

"Perkembangan yang baik ini, tentunya terhasil dari sokongan berterusan oleh para guru dalam memandaikan anak-anak Brunei. Ini dibuktikan oleh dapatan dari PISA di mana pelajar-pelajar di negara ini merasakan guru-guru mereka sentiasa bersedia memberikan pertolongan atau sokongan," ujar titah baginda.

Dalam titah Kebawah DYMM seterusnya menambah bahawa ini membuktikan betapa faktor guru adalah salah satu penyumbang utama dalam



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah sempena Majlis Sambutan Hari Guru Kali Ke-34, Tahun 2024.

kejayaan pelajar.

"Oleh itu di kesempatan ini beta suka cita mengucapkan syabas dan tahniah kepada para guru sekalian atas keprihatinan,

komitmen dan pengorbanan mereka kepada pelajar-pelajar kita.

Pada kesempatan ini, baginda terlebih dahulu mengucapkan

setinggi-tinggi tahniah kepada semua yang bergelar guru atau pendidik atas komitmen dan sumbangan mereka kepada anak bangsa.

## CUTI IHSAN SESI PENGGAL PERSEKOLAHAN DIPERKENANKAN

**BERAKAS**, Khamis, 3 Oktober. - Bagi memastikan kesejahteraan guru-guru kita dipeduli, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan semangat penuh simpati memperkenankan bagi para guru di bawah kawalan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) untuk diberikan Cuti

Ihsan semasa sesi penggal persekolahan mengikut garis panduan dan syarat yang ditetapkan akan berkuat kuasa pada 1 Januari 2025.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian sempena Majlis Sambutan Hari Guru Kali Ke-34, Tahun 2024 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), di sini dan baginda juga berharap, ihsan tersebut hendaknya akan dapat meningkatkan lagi prestasi dan

motivasi para guru.

Terdahulu, kerajaan dalam titah baginda, insyaaAllah akan terus komited menyediakan peluang-peluang pembelajaran di dalam dan luar negeri, melalui pelbagai biasiswa yang ditawarkan.

Dan sehubungan dengan itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya bertitah menyarankan supaya pihak Kementerian Pendidikan dan KHEU akan memperkemaskan lagi dasar biasiswa kerajaan dengan membuka peluang lebih luas demi kepentingan pembangunan

sumber tenaga manusia.

Ini jelas baginda, selaras dengan tujuan memantapkan tenaga kerja yang berkualiti.

Dalam suasana pembelajaran menjurus kepada ekspektasi baharu, maka kesejahteraan para guru selaku pemacu utama perubahan tegas titah baginda lagi mestilah terus dijaga.

Aspek ini tambah baginda lagi, adalah penting kerana ia mempengaruhi kerjaya para guru.

"Akhirnya, beta dengan tulus ikhlas mengucapkan Selamat

Hari Guru kepada semua warga guru di negara ini. Semoga segala usaha serta sumbangan mereka yang sangat berharga itu akan mendapat ganjaran yang berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wata'alaa.

"Beta juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para penerima Anugerah Hari Guru pada tahun ini. Semoga penganugerahan ini akan menjadi sumber dan inspirasi dan pencetus semangat kepada semua warga guru," titah Kebawah DYMM lagi.



SEKITAR Majlis Sambutan Hari Guru Kali Ke-34, Tahun 2024 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa.

# BERANGKAT KE MAJLIS SAMBUTAN HARI GURU KE-34



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-34, Tahun 2024 yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin, Pg. Mohammad Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman, Ak. Md. Hasnal Ali Saodiqen Pg. Haji Abu Bakar

**BERAKAS**, Khamis, 3 Oktober. - Hari Guru yang disambut pada 23 September setiap tahun di Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah bagi memperingati dan menghargai sumbangan jasa para pendidik di negara ini.

Sambutan yang bertemakan 'Guru Berkualiti Pemacu Transformasi Pendidikan', dengan tambahan sub-tema yang memfokuskan kepada 'Pendidikan Untuk Dunia Yang Terus Berubah' berkenaan adalah sebagai usaha untuk memartabatkan profesion perguruan yang banyak menyumbang kepada pembangunan kapasiti tenaga manusia negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Guru NBD Ke-34, Tahun 2024 yang diadakan pagi tadi di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan

adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Keberangkatan Kebawah DYMM dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh selaku Pengerusi Bersama Majlis serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Majlis

Sambutan Hari Guru NBD Ke-34, Tahun 2024.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah khusus buat ayahanda Kebawah DYMM, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan guru-guru yang telah kembali ke rahmatullah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Majlis diteruskan dengan bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran iaitu Surah Ali Imran, ayat 7 dan 18, Surah Fathir, ayat 28, Surah Az-Zumar, ayat 9 dan Surah Al-Mujadalah, ayat 11 oleh Pegawai Pelajaran, Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah, Kampung Mentiri, Awang Ashizal bin Zainal Abidin dan Mahasiswa

Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awangku Md. Ammarrul Amsyar bin Pengiran Haji Marjuki. Manakala inti sari ayat disampaikan oleh Pensyarah Fakulti Syariah di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Hafini bin Mahmud.

Seterusnya sembah alu-aluan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah dan kemudian diikuti dengan titah Kebawah DYMM.

>> Muka 5



**YANG** Berhormat Mufti Kerajaan semasa memimpin bacaan Doa (atas). Sementara gambar kiri sekali, bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran oleh Pegawai Pelajaran, Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah, Kampung Mentiri, Awang Ashizal bin Zainal Abidin dan Mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awangku Md. Ammarrul Amsyar bin Pengiran Haji Marjuki.



**SEKITAR** Majlis Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-34, Tahun 2024 yang diadakan di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (kiri, atas dan atas sekali tengah).



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia berkenan menyempurnakan pengurniaan Anugerah-anugerah Hari Guru Ke-34, Tahun 2024 kepada para penerima (atas kiri, atas kanan, bawah kiri dan bawah kanan).

>> Muka 4

Sejurus itu diteruskan dengan tayangan klip video Hari Guru yang menceritakan pengorbanan dan pengalaman seorang guru yang bertugas di salah sebuah sekolah rendah di kawasan pedalaman, diikuti dengan montaj yang memaparkan pembangunan pendidikan di NBD; mempamerkan pengintegrasian mata pelajaran ugama ke dalam sistem pendidikan umum; pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Seni dan Matematik (STEAM); pendidikan inklusif; perkembangan sekolah swasta serta transformasi digital dalam menyediakan pendidikan yang berkualiti demi melahirkan insan-insan inovatif dan cemerlang.

Majlis juga turut diserikan dengan persembahan utama iaitu

nyanyian Kompilasi Lagu-Lagu Medley bertajuk 'Jasamu Guru', 'Guru Oh Guru' dan 'Terima Kasih Cikgu', diikuti dengan Lagu Hari Guru Ke-34 yang bertajuk 'Guruku Pemacu Masa Depan'. Persembahan berkenaan merupakan gabungan seramai 34 pelajar dari Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Sekolah Rendah Tungku, Sekolah Kesuma Mekar dan Sekolah Ugama Perpindahan Lambak Kanan Jalan 77, Bandar Seri Begawan.

Seterusnya, Kebawah DYMM berkenan menyempurnakan pengurniaan Anugerah-anugerah Hari Guru Ke-34, Tahun 2024 kepada para penerima yang terdiri daripada empat penerima Anugerah Guru Berjasa, sembilan

penerima Anugerah Guru Cemerlang dan 30 penerima Anugerah Penghargaan Hari Guru (Special Mention).

Empat penerima Anugerah Guru Berjasa berkenaan ialah Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin; Dato Paduka Haji Sheikh Adnan bin Sheikh Mohamad; Pengiran Haji Mahmud bin Pengiran Damit; dan Awang Haji Mohsin bin Abu Bakar.

Penerima Anugerah Guru Berjasa menerima beberapa anugerah seperti Sijil Penghormatan, wang tunai sebanyak BND12,000, cenderamata dan kemudahan perubatan percuma, termasuk segala perbelanjaan wad kelas pertama di hospital-hospital kerajaan dalam negara.

Manakala, penerima Anugerah Guru Cemerlang masing-masing menerima Sijil Penghormatan, wang tunai sebanyak BND4,000, cenderamata dan diberikan keutamaan / disokong untuk melanjutkan pelajaran (tertakluk kepada syarat-syarat Latihan Dalam Perkhidmatan), sementara penerima Anugerah Penghargaan Hari Guru (Special Mention) pula menerima Sijil Penghormatan, wang tunai sebanyak BND1,000 dan trofi.

Di akhir majlis, Kebawah DYMM serta kerabat diraja dijunung berangkat bagi sesi bergambar ramai bersama para penerima anugerah dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Guru NBD Ke-34, Tahun 2024.

Kebawah DYMM juga berkenan

menaksikan Pameran sempena Sambutan Hari Guru Ke-34, Tahun 2024 di Press Conference Hall, yang mana Konsep Pameran Sambutan Hari Guru pada tahun ini memfokuskan kepada STEAM yang melibatkan pelajar-pelajar dari sekolah rendah, menengah, institusi vokasional dan teknikal serta pengajian tinggi, yang menjurus kepada dua bahagian selaras dengan tema sambutan tahun ini iaitu Ruang Centrepiece dan Ruang Pameran.

Sebelum berangkat meninggalkan Pusat Persidangan Antarabangsa, Kebawah DYMM juga berkenan menerima junung ziarah daripada guru-guru, pelajar-pelajar, siswa dan siswi dari pelbagai peringkat pendidikan dan institusi serta peserta-peserta persembahan.



**SEBAHAGIAN** daripada yang hadir pada majlis berkenaan (kanan dan bawah).



# PROGRAM STEAM GIAT DILAKSANAKAN KE ARAH TRANSFORMASI PENDIDIKAN



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Guru NBD Ke-34, Tahun 2024 yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa. Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin, Pg. Mohammad Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman, Ak. Md. Hasnal Ali Saodiqen Pg. Haji Abu Bakar

**BERAKAS**, Khamis, 3 Oktober. - Sambutan Hari Guru pada tahun ini merupakan tahun ketiga menjulang tema 'Guru Berkualiti Pemacu Transformasi Pendidikan'.

Tema ini membolehkan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) memfokuskan tenaga secara berkesinambungan ke arah pembinaan dan mentransformasikan pendidikan.

Dalam hal ini, Kementerian Pendidikan sedang giat melaksanakan Program Kemahiran dan Pendidikan STEAM (Science, Technology, Engineering, Arts and Mathematics Education and Skills, atau SES) di semua peringkat pendidikan, dan sebuah buku garis panduan S.E.S untuk sekolah rendah telah dihasilkan sebagai panduan untuk melaksanakan aktiviti STEAM menggunakan pendekatan pembelajaran berdasarkan projek dan inkuiri (Project-Based Learning and Inquiry-Approach).

Penawaran mata pelajaran Teknologi, Kejuruteraan dan Seni sebagai salah satu mata pelajaran pilihan teras di peringkat menengah atas telah pun mula dilaksanakan pada awal tahun ini.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datuk Seri Setia Dr. Hajah Romaizah Binti Haji Md. Salleh semasa menyampaikan sembah alu-aluannya pada Majlis Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-34, Tahun 2024 yang diadakan pagi tadi di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Dalam usaha mendidik warga sekolah, khususnya para pelajar untuk lebih beretika, berhemah dan bertanggungjawab dalam penggunaan teknologi dan dunia digital, Yang Berhormat seterusnya menyembahkan

berterusan bagi memastikan kemudahan yang disediakan menghasilkan persekitaran pembelajaran yang selesa dan kondusif kepada para pelajar," tambah Yang Berhormat.

Bermula 1 Januari 2024, Yang Berhormat menerangkan penguatkuasaan Akta Pendidikan Wajib telah mewajibkan semua rakyat NBD yang berusia lima tahun memasuki alam persekolahan yang untuk mengukuhkan pendidikan awal kanak-kanak dari sudut keupayaan kognitif, aspek sosial dan emosi kanak-kanak.

Alhamdulillah, seramai 6,092 pelajar yang berumur 5 tahun telah mendaftar di sekolah-sekolah kerajaan dan swasta, jelas Yang Berhormat.

"Penyertaan NBD dalam The OECD Programme for International Student Assessment (PISA) pada tahun 2022, yang keputusannya dikeluarkan pada hujung tahun 2023 telah menunjukkan peningkatan yang sangat ketara bagi ketiga-tiga domain iaitu Bacaan, Matematik dan Sains berbanding PISA 2018.

"Peningkatan itu menunjukkan betapa para guru telah bekerja keras dalam meningkatkan pencapaian pelajar. Ibu bapa juga memainkan peranan penting dalam memberikan sokongan dan dorongan kepada anak-anak mereka.

"Kementerian Pendidikan juga memberikan penekanan kepada aspek-aspek lain dalam usaha membentuk individu cemerlang secara holistik. Alhamdulillah, tahun 2023 merupakan tahun pertama pelaksanaan pembelajaran mata pelajaran Al-Quran dengan menggunakan kurikulum tetap secara penuh bagi ketiga-tiga peringkat iaitu Tahun 9, 10 dan 11. Dalam tempoh tiga tahun pelaksanaannya terdapat peningkatan sebanyak 20 peratus dalam kalangan pelajar yang mencapai kategori Alif dan Ba, iaitu pelajar yang mampu membaca Al-Quran dengan fasih, lancar dan bertajwid," sempat Yang Berhormat lagi.

Dalam bidang sukan pula, Yang Berhormat menegaskan Kementerian Pendidikan akan terus mengembangkan potensi dan bakat pelajar dengan memberikan mereka pendedahan melalui penyertaan dalam pertandingan-pertandingan di peringkat sekolah, kebangsaan dan antarabangsa.

Dari segi teknologi, inovasi dan kemahiran pula, penyertaan pelajar dalam Brunei ICT Awards (BICTA) 2024 telah mencatatkan jumlah tertinggi sejak ia diperkenalkan, dan di peringkat serantau dan antarabangsa, para pelajar telah berjaya memenangi beberapa pertandingan, terang Yang Berhormat.



YANG Berhormat Menteri Pendidikan dalam sembah alu-aluannya (atas). Manakala gambar bawah, sebahagian daripada yang hadir pada majlis tersebut.

Sebelum mengakhiri sembah alu-aluan, Yang Berhormat mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada penerima-penerima Anugerah Hari Guru Kali Ke-34 bagi Tahun 2024.

"Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada setiap insan yang bergelar guru di NBD sama ada di sektor kerajaan dan swasta di semua peringkat pendidikan, atas sumbangan tenaga, bakti serta dedikasi mereka dalam mendidik anak bangsa. Bagi para guru yang telah bersara, jasa dan sumbangan mereka akan sentiasa dikenang," ujar Yang Berhormat lagi.



# PAMERAN KETENGAHKAN PELBAGAI PERANAN GURU SEBAGAI PENDIDIK



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyaksikan Pameran Sambutan Hari Guru Ke-34 bertempat di Press Conference Hall, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (atas dan kiri).

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman, Ak. Md. Hasnal Ali Saodiqen Pg. Haji Abu Bakar

**BERAKAS**, Khamis, 3 Oktober. - Bertemakan 'Guru Berkualiti Pemacu Transformasi Pendidikan' konsep Pameran Sambutan Hari Guru Ke-34 pada tahun ini memfokuskan kepada Pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Seni dan Matematik (STEAM) yang melibatkan pelajar-pelajar dari sekolah rendah, menengah, institusi vokasional dan teknikal serta pengajian tinggi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyaksikan pameran berkenaan bertempat di Press Conference Hall, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Juga berangkat paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota

Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Pameran menjurus kepada dua bahagian iaitu Ruang Centrepiece

dan Ruang Pameran. Ruang Centrepiece memaparkan petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Syair Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Manakala Ruang Pameran dibahagikan kepada beberapa bahagian yang mencerminkan pelbagai peranan penting para guru dalam pelaksanaan sistem pendidikan yang adaptif, inklusif dan berfikiran maju.

Pameran berkenaan bukan

sahaja memperkenalkan peranan guru sebagai pendidik tetapi juga sebagai pemacu perubahan yang memberi inspirasi kepada pelajar-pelajar; peranan guru sebagai mentor yang memupuk rasa ingin tahu dan kreativiti pelajar di samping peranan guru sebagai pembimbing dalam menilai dan penggunaan teknologi secara kritikal dan bertanggungjawab mempersiapkan pelajar untuk aktif dalam penciptaan dan penyebaran pengetahuan dengan memberi tumpuan kepada pendekatan merentas disiplin dalam STEAM.

Selain itu, pameran tersebut juga

memaparkan peranan guru sebagai pendukung inklusiviti dan diversiti agar pelajar dapat menghargai kepelbagaiannya, meningkatkan empati dan peranan guru sebagai arkitek masa depan yang bertanggungjawab memupuk kecerdasan emosi, ketahanan, kemampuan beradaptasi dalam diri pelajar serta membina aspek kerohanian pelajar melalui penghayatan ajaran Islam yang murni dengan berpegang teguh prinsip negara Melayu Islam Beraja (MIB).

>> Muka 8



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berinteraksi bersama para peserta pameran (atas, atas sekali kiri, atas sekali kanan dan kanan).



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja dijunjung berangkat bagi sesi bergambar ramai bersama para penerima anugerah dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Guru Ke-34.**

#### >> Muka 7

Semua peranan ini merupakan usaha guru-guru untuk mempersiapkan generasi seterusnya sebagai warga global yang bertanggungjawab, yang sentiasa siap siaga memberikan sumbangan positif kepada masyarakat yang sentiasa berubah demi mencapai Wawasan Brunei 2035.

Di Ruang Pameran, Kebawah Duli Yang Maha Mulia mula-mula berkenan menyaksikan pameran dari Sekolah Menengah Sultan Hassan, Daerah Temburong dan Sekolah Rendah Mentiri mewakili Kluster 1 dan 2 yang antara lain memperkenalkan 'Outdoor Learning Space' iaitu menyediakan pelajar dengan Kemahiran Abad 21 dan kemahiran teknologi bagi membantu mereka mengharungi cabaran baharu dan 'Masa depan dengan STEAM : Kunci Kepada SDG' iaitu meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan subjek STEAM dalam kehidupan harian dan bagaimana subjek STEAM boleh menyumbang kepada pencapaian SDG.

Bagi Kluster 3 dan 4, Sekolah Menengah Berakas memperkenalkan ciri-ciri dan faedah Aquacool Suit seperti menyejukkan pengguna, keselamatan, meningkatkan produktiviti, memantau kesihatan, penggunaan tenaga yang efisien dan keselesaan dan kebebasan bergerak.

Manakala Pusat Tingkatan

Enam Sengkurong mengetengahkan 'Conservation Through Arts, Design & Media' iaitu menggunakan Art, Design dan Media untuk meningkatkan kesedaran tentang penjagaan alam sekitar.

Di Kluster 5 dan 6, pameran dari Pusat Tingkatan Enam Tutong memperkenalkan mengenai 'Green Life', mempromosikan kesedaran tentang kepentingan kelestarian alam sekitar dan Maktab Anthony Abell pula memperkenalkan mengenai Jejak Intelek untuk menunjukkan pencapaian pelajar dalam Pertandingan BICTA 2024, yang menonjolkan kemahiran, kreativiti dan pengetahuan teknologi yang digunakan untuk mencipta produk bagi pertandingan tersebut.

Sementara itu, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama pula memaparkan pameran yang berbentuk aplikasi Kecerdasan Buatan (AI) iaitu aplikasi yang dinamakan Mr. Grabbish dan PAW911. Aplikasi ini mendedahkan pelajar-pelajar tentang kepentingan *health, safety and environment*, bertujuan untuk mendorong pelajar-pelajar bagi meningkatkan lagi kesedaran dan tanggungjawab prihatin terhadap alam sekitar.

Di Petak Pameran Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, ia memaparkan pencapaian institut dalam melahirkan para penghafaz Al-Quran, peranan Institut dalam pelaksanaan Pendidikan STEAM

khususnya Tarannum Al-Quran selain peranan institut dalam Long Life-Learning melalui Pengajian Hafazan Al-Quran bagi orang awam.

Turut menyertai pameran ialah gabungan lapan Institut Pengajian Tinggi iaitu Universiti Brunei Darussalam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Politeknik Brunei, Institut Pendidikan Teknikal Brunei, Kolej Pemiagaan Laksamana dan Kolej Perdagangan dan Teknologi

Cosmopolitan.

Sementara itu, Pameran CfBT pula akan meraikan 40 tahun bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan di Negara Brunei Darussalam. Ia memperkenalkan sejarah CfBT, yang telah berkembang daripada hanya 15 Guru Bahasa Inggeris ditempatkan di sekolah kerajaan kepada 200 guru rendah dan menengah di setiap daerah di negara ini.

Kebawah DYMM juga berkenan menyaksikan pameran dari Jabatan Pentadbiran dan

Perkhidmatan-perkhidmatan Kementerian Pendidikan yang mengetengahkan Sistem EASE (Electronic Application System MOE) iaitu sistem yang direka bentuk untuk mendigitalkan proses bagi perkhidmatan yang ditawarkan oleh pelbagai jabatan dalam Kementerian Pendidikan dan Sistem Perkhidmatan Digital Kementerian Pendidikan - MESH (MOE Employee Service Hub) iaitu platform perkhidmatan dalam khusus untuk kakitangan dalam kementerian.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menyaksikan pameran dan beramah mesra bersama para pelajar pada majlis berkenaan (atas, kiri dan bawah).**



# BERKENAN HANTAR PERUTUSAN TAHNIAH



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Korea, Tuan Yang Terutama Yoon Suk-yeo dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Federal President, Republik Persekutuan Jerman, Tuan Yang Terutama Frank-Walter Steinmeier dan Chancellor, Republik Persekutuan Jerman, Tuan Yang Terutama Olaf Scholz.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 3 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Korea, Tuan Yang Terutama Yoon Suk-yeo, kerajaan dan rakyat Republik Korea bersempena dengan National Foundation

Day negara berkenaan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Federal President, Republik

Persekutuan Jerman, Tuan Yang Terutama Frank-Walter Steinmeier dan Chancellor, Republik Persekutuan Jerman, Tuan Yang Terutama Olaf Scholz, kerajaan serta rakyat Republik Persekutuan Jerman bersempena dengan Day of German Unity.

## Kebawah DYMM akan berangkat hadiri Sidang-sidang Kemuncak ASEAN Ke-44, Ke-45

■ Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 4 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan berangkat menghadiri Sidang-sidang

Kemuncak ASEAN Ke-44 dan Ke-45 serta Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan yang akan diadakan di Vientiane, Republik Demokratik Rakyat Lao pada 8 hingga 11 Oktober 2024.

Laos, selaku Penggerusi ASEAN pada tahun ini, membawa tema 'ASEAN : Enhancing Connectivity and Resilience', yang menumpukan ke arah

menggiatkan lagi usaha kerjasama ASEAN di bawah tiga tungku Komuniti, meningkatkan kesalinghubungan infrastruktur, mengurangkan jurang pembangunan, menggalakkan integrasi ekonomi dan pertukaran antara rakyat yang lebih kerap, serta mengukuhkan lagi hubungan ASEAN bersama rakan-rakan luar sekali gus mempertahankan kerelevan dan perpaduan ASEAN dalam seni bina serantau yang kian berkembang.

Sidang-sidang Kemuncak pada tahun ini akan menghimpunkan para pemimpin ASEAN dan Republik Demokratik Timor-Leste bersama Rakan-rakan Dialog ASEAN bagi memajukan tindakan bersepadu dalam melaksanakan bidang-bidang keutamaan dan *deliverables* utama Penggerusi ASEAN ke arah meningkatkan lagi kesalinghubungan dan kedayatahanan serantau.

Dalam sama-sama memberikan tindak balas

terhadap cabaran-cabaran serantau dan global di masa akan datang, perbincangan juga akan memfokuskan kepada matlamat dan hasrat umum ASEAN ke arah meningkatkan keamanan, kestabilan dan kemakmuran di rantau ini termasuk pembangunan mampan dan inklusif, transformasi digital, perubahan iklim, usaha-usaha pembangunan Komuniti ASEAN, hubungan luar ASEAN, serta isu-isu serantau dan antarabangsa yang berkepentingan bersama.



## Selamat meluaran seorang puteri

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 2 Oktober. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan ini memaklumkan bahawasanya Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fazilah Lubabul Bolkiah binti

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fazilah Lubabul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, iaitu isteri kepada Yang Amat Mulia Pengiran Suami Abdulla Nabil Mahmoud Al-Hashimi, dengan izin Allah Subhanahu Wata'alai telah selamat meluaran seorang puteri pada Rabu, 28 Rabiulawal 1446 Hijrah bersamaan dengan 2 Oktober 2024 Masihi di Portland Hospital, London, United Kingdom, jam 9.55 pagi waktu tempatan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, iaitu isteri kepada Yang Amat Mulia Pengiran Suami Abdulla Nabil Mahmoud Al-Hashimi, dengan izin Allah Subhanahu Wata'alai telah selamat meluaran seorang puteri pada hari ini, Rabu, 28 Rabiulawal 1446 Hijrah bersamaan dengan 2 Oktober 2024 Masihi di Portland Hospital, London, United Kingdom, jam 9.55 pagi waktu tempatan.

Berikut dengan meluaran ini sebanyak 17 das tembakan meriam telah dilepaskan di pekarangan Istana Nurul Iman.

## Waspada dengan skim penipuan

■ Siaran Akbar : Bank Islam Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 4 Oktober. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) menyedari semakin banyak penipuan yang melibatkan iklan pekerjaan palsu yang diedarkan melalui platform media sosial.

Skim penipuan ini menyasarkan

pencari kerja dengan memberikan mereka peluang pekerjaan yang kelihatan asli, tetapi niat sebenarnya adalah untuk mengakses maklumat peribadi dan kewangan mereka.

Orang ramai digesa supaya sentiasa berhati-hati dan

berwaspada apabila menghadapi tawaran sedemikian.

Penipu biasanya mendekati individu melalui iklan kerja atau mesej langsung, menawarkan peluang pekerjaan palsu.

Setelah terlibat, kaedah berikut biasanya digunakan untuk menjelaskan sekuriti.

APK File Installation - Mangsa

diminta memuat turun dan 'install' fail APK, yang mungkin mengandungi perisian berniat jahat, yang mampu mencuri data peribadi atau menjelaskan keselamatan peranti mereka.

Fake Websites - Pemohon diarahkan ke laman web penipuan yang merupakan klon skrin log masuk NEXGEN Wallet BIBD. Mangsa diminta memasukkan kelayakan perbankan mereka, kononnya untuk tujuan 'gaji'.

Request for OTP - Mangsa akan menerima Kata Laluan Satu Kali (OTP) yang mereka diminta untuk berkongsi kepada penipu, dengan alasan ia dikehendaki untuk memproses permohonan atau gaji mereka. Berkongsi maklumat ini mungkin membolehkan penipu mendapat akses kepada akaun bank.

>> Muka 13

# 19 PEGAWAI KANAN ABDB NAIK PANGKAT



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II semasa hadir pada Majlis Penyampaian Lencana Kenaikan Pangkat (atas). Manakala gambar atas kanan, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) menyempurnakan penyampaian lencana kenaikan pangkat kepada penerima.

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

**BERAKAS,** Jumaat, 4 Oktober. -

Atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, seramai 19 Pegawai Kanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) telah diperkenankan untuk dinaikkan pangkat hari ini.

Dari jumlah tersebut, seramai empat pegawai dinaikkan pangkat dari Leftenan Kolonel / Komander (TLDB) ke Kolonel / Kapten (TLDB) tetap, seorang pegawai dinaikkan pangkat dari Pemangku Leftenan Kolonel ke Leftenan Kolonel Tetap dan 14 pegawai dinaikkan dari pangkat

Mejar / Leftenan Komander (TLDB) ke pangkat Pemangku Leftenan Kolonel / Komander (TLDB).

Majlis Penyampaian Lencana Kenaikan Pangkat yang diadakan di Mes Pegawai Bolkiah Garison, disempurnakan oleh Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan;

pemerintah dan Pemangku Pemerintah Angkatan Tentera dan Pemangku Pemerintah Angkatan Bersama ABDB; Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan;

Pengarah-pengarah dan Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Pertahanan serta ahli keluarga pegawai-pegawai yang telah dinaikkan pangkat.

Bagi memberkati majlis, bacaan Doa Selamat dibacakan oleh Pemangku Pengarah abatanaroh Agama ABDB (JAMA'AT), Leftenan Kolonel Ariffin bin Amit @ Hamid.

## HASRAT NEGARA

>> Muka 2

Pada majlis sambutan kali ini, beta menyambut baik dan berbesar hati akan dapat melancarkan sebuah buku yang mengetengahkan aspek kepimpinan Tokoh Jasawan Negara, paduka ayahanda beta, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, yang bukan sahaja terkenal dengan kebijaksanaan baginda dalam hal ehwal kenegaraan, malah juga sangat prihatin terhadap kemajuan Perkhidmatan Awam.

Dengan wawasan baginda yang jauh ke hadapan, Al-Marhum telah berjaya mengasaskan dasar-dasar pentadbiran yang berdaya maju serta responsif terhadap kepentingan rakyat.

Al-Marhum juga sentiasa menekankan nilai integriti, profesionalisme dan disiplin di kalangan kakitangan awam.

Dalam mengenang kepimpinan Al-Marhum, kita perlu mencontohi nilai-nilai murni dan meneruskan legasi Al-Marhum dalam menjaga dan memajukan Perkhidmatan Awam demi kemakmuran negara. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala merahmati roh Al-Marhum dengan menghimpunkan baginda ke dalam kalangan hamba-hamba-Nya yang soleh.

Untuk akhirnya, kepada penerima-penerima anugerah sambutan kali ini, beta mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih atas khidmat yang mereka curahkan.

Semoga penganugerahan ini akan mendorong warga penjawat awam untuk terus bergiat memberikan apa yang terbaik untuk rakyat dan negara.

Beta juga mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada setiap penjawat awam yang masih berkhidmat dan yang telah bersara di atas sumbangan dan jasa bakti mereka kepada pembangunan negara, serta juga kepada semua jawatankuasa yang terlibat dalam menjayakan Sambutan Hari Perkhidmatan Awam pada tahun ini.

Dengan kalimat *Bismillahir Rahmanir Rahim, Allahumma Salli 'Ala Sayyidina Muhammad, Wa 'ala Alihi Wasahbihi Wasallim*, beta dengan sukacita melancarkan Buku Jasawan Perkhidmatan Awam : Meneruskan Legasi Sultan Omar 'Ali Saifuddien III Tokoh Jasawan Negara.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

## MoU YEAB - SEA tingkatkan peluang perniagaan, pelancongan



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II; Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II serta Menteri-menteri Kabinet semasa hadir pada Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman berkeraan.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Usahawan Muda Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 4 Oktober. - Sebagai tanda pencapaian penting bagi kerjasama keusahawanan, Persatuan Usahawan Muda Brunei (Young Entrepreneurs Association of Brunei - YEAB) dan Persatuan Usahawan Sarawak (Sarawak Entrepreneur Association - SEA) memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) yang menandakan pelancaran Pejabat Perdagangan dan Pelancongan Sarawak (Sarawak Trade and Tourism Office - STATOB) di Bandar Seri Begawan (BSB), Negara Brunei Darussalam (NBD).

Penandatanganan MoU berkenaan yang diadakan kelmarin di Pavo Point, Kianggeh itu menggariskan komitmen bersama untuk meningkatkan peluang perniagaan dan mengukuhkan hubungan dalam perdagangan dan pelancongan antara kedua-dua negara.

Kerjasama berkenaan dijangka mewujudkan platform untuk usahawan dari NBD dan Sarawak untuk bekerjasama, bertukar idea, dan

membangunkan inisiatif yang saling menguntungkan dalam pelbagai sektor, termasuk pelancongan, perdagangan dan pelaburan.

YEAB diwakili oleh Penolong Setiausaha YEAB, Awangku Abdul Azim bin Pengiran Yusof, yang juga mewakili Presiden YEAB, Goh Chai Li. Manakala, mewakili SEA ialah Presiden SEA, Khairulnizam Mohamed Khalid.

Majlis berkenaan turut diserikan dengan kehadiran tokoh-tokoh terkemuka NBD dan Sarawak, termasuk Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, dan Premier Sarawak, Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk

Abang Haji Openg serta Menteri-menteri Kabinet,

pegawai-pegawai kerajaan, pemimpin perniagaan, serta wakil daripada pelbagai persatuan perniagaan dari NBD dan Sarawak, yang menambah lagi kepentingan kerjasama ini.

"Kerjasama ini akan membuka peluang besar kepada usahawan muda untuk berkongsi pengalaman, pengetahuan dan amalan terbaik dalam membina komuniti keusahawanan yang lebih dinamik dan inovatif.

"SEA sentiasa komited untuk menyediakan platform untuk usahawan muda di Sarawak, dan melalui kerjasama kami dengan YEAB, agenda keusahawanan kami akan terus diperkuuh dengan pelbagai projek dan inisiatif bersama," kata Khairulnizam Mohamed Khalid.

Beliau juga turut menekankan kepentingan rangkaian dan bimbingan dalam pembangunan usahawan muda.

"Melalui kerjasama ini, kami berharap dapat memberikan sokongan dan peluang yang lebih baik kepada ahli kami untuk memaksimumkan potensi mereka, terutamanya dalam ekonomi global yang semakin mencabar," ujarnya lagi.

Penubuhan STATOB di BSB dijangka dapat memperkuuhkan lagi kerjasama antara NBD dan Sarawak, terutamanya dalam bidang perdagangan dan pelancongan, manakala MoU berkenaan berfungsi sebagai pemangkin untuk projek bersama masa depan dan inisiatif keusahawanan antara YEAB dan SEA.

Perkongsian berkenaan menandakan satu langkah penting ke hadapan dalam mengukuhkan hubungan antara usahawan muda daripada kedua-dua rantau dan mewujudkan lebih banyak peluang untuk kerjasama perniagaan merentas sempadan.

# KEPENTINGAN AMALAN TERAPI ISLAM PERLU DIPERTINGKATKAN

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BERAKAS**, Rabu, 2 Oktober. - Seminar Majlis Ilmu pada tahun ini turut membincang dan mengupas topik-topik yang berkaitan kesihatan mental, dasar kerajaan dalam menangani isu kesihatan mental dan langkah pencegahan.



Pada hari kedua, sesi keempat Seminar Majlis Ilmu 2024 membincangkan mengenai sub-tema 'Kesihatan Mental dan Persekitaran' yang berlangsung di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejah Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

'Perubahan Persekitaran dan Kesihatan Mental' adalah tajuk kertas kerja yang disampaikan oleh Dekan, Kuliah Ilmu Pengetahuan Berteraskan Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Abdul Hamid Abu Sulayman, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Profesor Dr. Shukran bin Abdul Rahman.

Antara inti pati yang dapat diambil dalam pembentangan tersebut adalah mengenai keadaan persekitaran planet dan penghuninya yang sedang menghadapi suasana yang semakin berubah dan mencabar menyebabkan kemunduran atau kemerosotan kualiti kesejahteraan dalam kehidupan mereka.

Fenomena ini, yang sering



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat sesi kelima Seminar Majlis Ilmu 2024 (atas). Sementara gambar kanan, sekitar majlis berkenaan.

**BERAKAS**, Rabu, 2 Oktober. - Kesihatan mental merupakan isu penting yang semakin mendapat perhatian di peringkat global, termasuk di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Maka melihat kepada kepentingan isu kesihatan mental yang dihadapi oleh dunia dan juga NBD, tema 'Menangani Gejala Mental' telah dipilih sebagai fokus utama Majlis Ilmu 2024 dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran, pemahaman serta mendorong tindakan proaktif dalam menghadapi cabaran kesihatan mental dalam masyarakat.

Pada sesi kelima, Seminar Majlis Ilmu 2024 pada pagi ini telah membincangkan sub-tema 'Kesihatan Mental dan Pekerjaan'

dirujuk sebagai perubahan iklim, harus difahami sebagai perubahan dalam semua aspek aktiviti dan proses yang berlaku di sekeliling kita. Penduduk di muka bumi ini kini menderita akibat kesan buruk perubahan persekitaran mereka, termasuk kemerosotan tahap kesihatan mental.

Sementara itu,

Profesor Madya Pusat Pengajian Islam Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien, Universiti Brunei Darussalam, Profesor Madya Dr. Shaikh Abdul Mabud telah menyampaikan kertas kerja yang bertajuk 'Body-Mind Dualism Or Somatic-Psychological Unification : Understanding Human Nature Through Science And Religion' di mana kajian beliau telah meneroka perspektif berbeza iaitu dualisme minda badan dan penyatuhan somatik-psikologi melalui pendekatan bio-perubatan dan Islam.

Turut hadir,

Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang)

JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian

Datuk Seri Dr. Mat

Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Timbalan-timbalan Setiausaha

Tetap, Pegawai-pegawai kanan,

bin Haji Sabtu; Setiausaha-

Setiausaha Tetap, Rektor

Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Timbalan-timbalan Setiausaha

Tetap, Pegawai-pegawai kanan,

para jemputan khas, para

pembentang kertas kerja,

pegawai dan kakitangan dari

pelbagai kementerian dan

jabatan.

Dalam pembentangan beliau membincangkan tentang faktor berkaitan dengan ketidakseimbangan emosi, rohani, psikologi dan kognitif dapat menjadikan kesihatan mental mahupun fizikal individu.

Penekanan kepada amalan kerohanian dan penerapan terapi Islam dalam kehidupan sehari-hari ditekankan oleh individu dalam menghadapi kesukaran hidup sehari-hari.

Dapatkan kajian beliau menunjukkan kesedaran serta kepentingan amalan terapi Islam perlu dipertingkatkan dan diperluaskan penggunaannya dan merupakan pendekatan Islamik dalam memberi rawatan dan bantuan kepada individu yang mengalami masalah kesihatan mental.

Turut hadir, Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang)

JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian

Datuk Seri Dr. Mat

Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Timbalan-timbalan Setiausaha

Tetap, Pegawai-pegawai kanan,

bin Haji Sabtu; Setiausaha-

Setiausaha Tetap, Rektor

Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Timbalan-timbalan Setiausaha

Tetap, Pegawai-pegawai kanan,

para jemputan khas, para

pembentang kertas kerja,

pegawai dan kakitangan dari

pelbagai kementerian dan

jabatan.

Penekanan kepada amalan kerohanian dan penerapan terapi Islam dalam kehidupan sehari-hari ditekankan oleh individu dalam menghadapi kesukaran hidup sehari-hari.

Dapatkan kajian beliau menunjukkan kesedaran serta kepentingan amalan terapi Islam perlu dipertingkatkan dan diperluaskan penggunaannya dan merupakan pendekatan Islamik dalam memberi rawatan dan bantuan kepada individu yang mengalami masalah kesihatan mental.

Turut hadir, Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang)

JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian

Datuk Seri Dr. Mat

Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Timbalan-timbalan Setiausaha

Tetap, Pegawai-pegawai kanan,

bin Haji Sabtu; Setiausaha-

Setiausaha Tetap, Rektor

Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Timbalan-timbalan Setiausaha

Tetap, Pegawai-pegawai kanan,

para jemputan khas, para

pembentang kertas kerja,

pegawai dan kakitangan dari

pelbagai kementerian dan

jabatan.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir selaku tetamu kehormat majlis sesi keempat Seminar Majlis Ilmu 2024 (atas). Manakala gambar bawah, para pembentang semasa membentangkan kertas kerja masing-masing.

## Menangani Gejala Mental

سموتن قرایان هاری کوتراعن کاوه دولی یتمها ملیا قادک سری بنکدا سلطان  
نکلا برونی دارالسالاد اد ۷۸ تاهون



tidak mengikut kehendak jurusan atau kelulusan akademik yang diperoleh dan tidak ada pilihan lain.

Antara faktor yang lain ialah suasana bekerja dengan rakan sejawat yang tidak kondusif dan tidak sihat. Dari itu, di mana pun kita bertugas dan jenis pekerjaan yang penting keberkatan rezeki yang diterima.

Manakala Pemangku Penolong Pengarah Bahagian Orang Kelainan Upaya, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Irnawati binti Haji Mahir telah menyampaikan tajuk 'Kesihatan Mental dan Pekerjaan' yang mengetengahkan pelbagai fasa perubahan yang akan dilalui dalam alam pekerjaan yang sedikit sebanyak, keadaan ini telah memberikan kesan terhadap produktiviti kerja.

Walau bagaimanapun, bagi memastikan produktiviti ataupun prestasi kerja tetap mantap, setiap pekerja semampunya harus sentiasa memastikan kesihatan mental yang terjaga.

Seterusnya, 'Applying The Ihsan Self-Regulation Model : Enhancing Workplace Mental Health Through Al-Takhalli, Al-Tahalli, And Al-Tajalli' adalah tajuk kertas kerja yang disampaikan oleh Pensyarah Pusat Pengajaran Islam Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien, Universiti Brunei Darussalam, Dr. Nur Amali bin Aminuddin.

Antara inti pati yang dapat

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



diambil dalam pembentangan tersebut adalah Ihsan Self-Regulation model iaitu rangka kerja berdasarkan konsep Islam dan direka bentuk untuk menangani cabaran kontemporari dalam pelbagai domain yang menumpukan pada aplikasinya kepada kesihatan mental di tempat kerja.

Model ini akan digunakan dalam aplikasi untuk kesihatan mental di tempat kerja sebagai pendekatan holistik yang menggabungkan konsep Islam dengan pandangan psikologi moden.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani; Setiausaha-setiausaha Tetap, Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan, para jemputan khas, para pembentang kertas kerja, pegawai dan kakitangan dari pelbagai kementerian dan jabatan.

# Mengukuhkan hubungan dua hala dalam bidang kesihatan



**YANG Berhormat Menteri Kesihatan selaku Pengurus Lembaga Pengarah PJSC dan JPMC mengalu-alukan ketibaan Timbalan Premier Sarawak merangkap Menteri Kesihatan Awam, Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak, Yang Berhormat Datuk Amar Profesor Dr. Sim Kui Hian semasa mengadakan kunjungan hormat ke PJSC (atas dan bawah).**

Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Pakar Pantai Jerudong

**JERUDONG**, Jumaat, 4 Oktober. - Timbalan Premier Sarawak merangkap Menteri Kesihatan Awam, Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak, Yang Berhormat Datuk Amar Profesor Dr. Sim Kui Hian, mengadakan kunjungan hormat ke Pusat Pakar Pantai Jerudong (Pantai Jerudong

Specialist Centre - PJSC).

Ketibaan Yang Berhormat di Pusat Perubatan Jerudong Park (Jerudong Park Medical Centre - JPMC) dialu-alukan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, selaku Pengurus Lembaga



Pengarah PJSC dan JPMC; Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin; selaku Ahli Lembaga Pengarah PJSC; Pengarah Eksekutif PJSC, Dr. Haji Mazrul Adimin bin Haji Awang Besar; dan Pengarah Perubatan PJSC dan JPMC, Dr. Meera Sahib Kabeer.

Tujuan lawatan berkenaan adalah untuk bertukar-tukar pandangan mengenai penjagaan dan rawatan kesihatan sambil memupuk hubungan dua hala yang lebih kukuh antara kedua-dua pihak.

Delegasi dibawa melawat ke kemudahan canggih PJSC yang ditempatkan di Pusat Kanser Brunei (The Brunei Cancer Centre - TBCC) dan Pusat Strok dan Pemulihan Neurosains Brunei (Brunei Neuroscience Stroke and Rehabilitation Centre-BNSRC), termasuk Jabatan Perubatan Nuklear, Jabatan Radioterapi, Unit Penjagaan Harian, Unit Prostetik dan Ortotik, Bilik Terapi Robotik, Gim Seaview dan Kolam Terapi Hidro.

Yang Berhormat Datuk Amar Profesor Dr. Sim Kui Hian melahirkan rasa kagum terhadap komitmen Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan berkualiti tinggi.

Kunjungan hormat berkenaan menekankan lagi kepentingan pertukaran amalan terbaik dalam perkhidmatan perubatan khusus, menangani cabaran kesihatan awam dan mempromosikan inovasi penjagaan kesihatan di rantau ini.

Selain itu, ia juga berfungsi sebagai platform yang berharga, untuk mengukuhkan hubungan sedia ada antara NBD dan Negeri Sarawak dalam bidang penjagaan kesihatan.

Turut hadir pada kunjungan tersebut ialah pengarah dan pegawai kanan Kementerian Kesihatan, PJSC, dan JPMC.

**Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Siti Zaharah binti Haji Abdul Razak, selaku Pengurus Majlis.**

Dayang Siti Zaharah dalam ucapannya antara lain menjelaskan, Sambutan Hari Antarabangsa Warga Emas disambut setiap 1 Oktober bagi negara-negara Ahli Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Tambahnya, selaras dengan tema Sambutan Hari Antarabangsa Warga Emas Tahun 2024 iaitu Meniti Usia Dengan Bermaruah : Kepentingan Memperkuhuh Sistem Penjagaan dan Sokongan Untuk Warga Emas Seluruh Dunia, untuk menyatakan golongan warga emas untuk terus menerajui dan menjayakan Wawasan Brunei 2035, PKWE telah dan terus mencatat kemajuan dan bergerak ke hadapan demi kebaikan bangsa dan negara.

"Sebagai salah satu lima negara teratas ASEAN yang menuju ke arah *ageing population*, tidak dapat dinafikan bahawa warga emas tidak sama sekali akan hilang daripada usaha bersama untuk menentukan kesejahteraan yang berkekalan di Negara Brunei Darussalam.

"Ini adalah cerminan warga emas sebagai insan yang kaya dengan pengalaman dan khazanah pengetahuan, yang berani menyumbang buah fikiran dan apa

# TAHLIL DI KUBAH MAKAM DIRAJA SEMPENA PENUKARAN NAMA BSB

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa hadir pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil bersempena Sambutan Memperingati Hari Ulang Tahun Penukaran Nama Bandar Brunei kepada Bandar Seri Begawan (BSB) Kali Ke-54 bagi Tahun 2024.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 3 Oktober. - Jabatan Bandaran menyelenggarakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil bersempena Sambutan Memperingati Hari Ulang Tahun Penukaran Nama Bandar Brunei kepada Bandar Seri Begawan (BSB) Kali Ke-54 bagi Tahun 2024 bertempat di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, hari ini.

Acara berkenaan khusus bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Hadir pada majlis tersebut, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil yang dipimpin oleh Imam Tingkat I, Masjid Sungai Besar, Awang Haji Hanafiah bin Haji Mahmud.

Adanya acara itu juga sebagai mengenang jasa paduka ayahanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dalam memajukan dan memodenkan Negara Brunei Darussalam dan sekali gus sambutan itu disambut pada tanggal 4 Oktober setiap tahun dengan memperingati bahawa Bandar Brunei telah mula bertukar nama kepada BSB pada 4 Oktober 1970.

Turut hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara dalam kalangan daerah-daerah, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan serta kakitangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya serta penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung daripada keempat-empat daerah.

# Memupuk persahabatan warga emas melalui program keagamaan



**YANG Berhormat Menteri Pembangunan selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa menyampaikan hadiah kepada salah seorang penerima.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 2 Oktober. - Bersempena dengan Sambutan Hari Antarabangsa Warga Emas 2024, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) mengadakan Majlis Doa Kesukuran dan Penyampaian Hadiah bagi Musabaqah Tilawatil Al-Quran

PKWE seluruh daerah, bertempat di Dewan Auditorium Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku

Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Siti Zaharah binti Haji Abdul Razak, selaku Pengurus Majlis.

Dayang Siti Zaharah turut mengalukan PKWE untuk terus menambah dan meningkatkan pelbagai usaha yang sudah dilaksanakan khususnya dalam memaksimumkan pelbagai platform yang sudah disediakan oleh pihak kerajaan, mahupun bukan kerajaan.

Beliau seterusnya berharap golongan warga emas akan dapat melangkah lebih jauh ke hadapan dan kekal sebagai golongan yang aktif (*successful aging*).

Majlis seterusnya diikuti dengan pengumuman keputusan Musabaqah Tilawatil Al-Quran PKWE bagi Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi oleh Awang Haji Masri bin Haji Mohammad, selaku Pengurus Jemaah Hakim yang dilantik oleh KHEU.

Johan qari dan qariah masing-masing dimenangi oleh Awang Haji Saifuzaman bin Haji Apong, dan Dayang Hajah Alimah binti Haji Matassan, diikuti naib johan qari dan qariah, iaitu Awang Emran bin Nasir dan Hajah Dayang binti Jais.

Manakala tempat ketiga dimenangi oleh Awang Haji Bakar

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

yang turut penting, membimbing generasi terkini dan yang akan datang," ujarnya.

Dalam ucapannya, Dayang Siti Zaharah turut mengalukan PKWE untuk terus menambah dan meningkatkan pelbagai usaha yang sudah dilaksanakan khususnya dalam memaksimumkan pelbagai platform yang sudah disediakan oleh pihak kerajaan, mahupun bukan kerajaan.

Beliau seterusnya berharap golongan warga emas akan dapat melangkah lebih jauh ke hadapan dan kekal sebagai golongan yang aktif (*successful aging*).

Majlis seterusnya diikuti dengan pengumuman keputusan Musabaqah Tilawatil Al-Quran PKWE bagi Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi oleh Awang Haji Masri bin Haji Mohammad, selaku Pengurus Jemaah Hakim yang dilantik oleh KHEU.

Johan qari dan qariah masing-masing dimenangi oleh Awang Haji Saifuzaman bin Haji Apong, dan Dayang Hajah Alimah binti Haji Matassan, diikuti naib johan qari dan qariah, iaitu Awang Emran bin Nasir dan Hajah Dayang binti Jais.

Manakala tempat ketiga dimenangi oleh Awang Haji Bakar

bin Burut dan Dayang Hajah Kamsinah binti Gulam Mohammad. Para pemenang menerima piala dan sijil penyertaan.

Seramai 14 peserta dalam kalangan ahli-ahli PKWE di seluruh daerah menyertai musabaqah berkenaan yang bertujuan untuk memupuk persahabatan dalam kalangan warga emas melalui program keagamaan dan mempertingkatkan mutu pembacaan Al-Quran. Hanya lapan peserta berjaya mara ke pusingan akhir yang diadakan pada 30 September 2024.

Setelah itu, majlis diteruskan lagi dengan bacaan ayat suci Al-Quran oleh johan qari dan johan qariah.

Majlis diakhiri dengan Doa Kesukuran dan Doa Allah Peliharakan Sultan yang dibacakan oleh Awang Mohamad Shahrin bin Sulaiman.

Turut hadir ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan dari KKBS, KHEU, Ahli Jawatankuasa Kerja Pelan Tindakan Warga Emas, ahli-ahli PKWE seluruh daerah, Pertubuhan WARGAMAS, persatuan-persatuan bukan kerajaan dan rakan-rakan strategik KKBS.

# Majlis Selawat penutupan Bilik Rambut Mulia Rasulullah

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Dk. Nur Hafifah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 3 Oktober. - Majlis Berselawat telah diadakan di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) bagi menandakan penutupan Bilik Rambut Mulia Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang telah dibuka sepanjang bulan Rabiuulawal 1446 Hijrah bermula dari 1 Rabiuulawal 1446H bersamaan dengan 5 September 2024 Masihi hingga 29 Rabiuulawal 1446H bersamaan dengan 3 Oktober 2024M.

Hadir selaku jemputan khas ke Majlis Berselawat tersebut ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid; Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato



Paduka Haji Mohammed Yunos; dan Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu, selaku Ahli-ahli Lembaga Penasihat BKISHHB.

Kehadiran para jemputan khas dialu-alukan oleh Pengarah BKISHHB, Dr. Haji Awang Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Awang Ahmad, selaku Ketua Urus Setia Lembaga Penasihat BKISHHB.

Majlis dimulakan dengan bacaan dikir yang dipimpin oleh pelajar-pelajar dari Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan disudahi dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Bilik Rambut Mulia Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dibuka untuk kunjungan orang ramai selama sebulan sepanjang

Rabiulawal bagi memperingati bulan kelahiran Junjungan Besar kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan dalam masa yang sama bertujuan untuk membesar dan memuliakan lagi bulan tersebut.

Tahun ini merupakan buat julung kali Bilik Rambut Mulia Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dibukakan sepanjang bulan Rabiulawal kepada orang ramai dan ia akan diteruskan pada tahun-tahun yang akan datang.

Lebih daripada 3,769 pengunjung telah direkodkan datang melawat untuk menyaksikan sendiri dan mengambil peluang untuk berada dan berselawat dekat dengan Rambut Mulia Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di Galeri 3 sepanjang tempoh sebulan pembukaan bilik tersebut.

Selain itu, BKISHHB juga giat mengadakan aktiviti-aktiviti keagamaan sepanjang bulan Rabiulawal termasuk menawarkan empat sesi berselawat di dalam Bilik Rambut Mulia Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pada setiap hari bekerja, Isnin hingga Khamis dan Sabtu kepada kumpulan-kumpulan dan persatuan-persatuan zikir dari kementerian - kementerian, jabatan-jabatan kerajaan, institusi-institusi pengajian tinggi, masjid-masjid dan syarikat-syarikat swasta.

Tempahan bagi sesi berselawat di dalam bilik tersebut telah dibuka secara dalam talian dan mencatatkan seramai 938 peserta telah hadir untuk menyertai dalam menyemarakkan dan



YANG Berhormat Menteri Pembangunan; Yang Mulia Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri (JPM); dan Yang Mulia Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di JPM selaku Ahli-ahli Lembaga Penasihat BKISHHB hadir selaku jemputan khas pada Majlis Berselawat tersebut (atas). Manakala gambar bawah, bacaan dikir yang dipimpin oleh pelajar-pelajar dari Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

membesar bulan kelahiran Junjungan Besar kita dengan pelbagai jenis dikir dan bentuk selawat termasuk Dikir Syarafil Anam, Selawat Ibrahimiyah, Selawat Tafrijiyah, Selawat Munjiyat, Selawat Fatih, Selawat Syifa, Selawat Nur, Selawat Badariyyah, Maulid Diba'e, dan lain lagi.

Selain itu, acara dan aktiviti berselawat di Auditorium BKISHHB juga turut diadakan pada setiap Ahad sepanjang bulan Rabiulawal oleh badan-badan bukan kerajaan, persatuan-persatuan yang berdaftar dan kumpulan-kumpulan zikir dengan kerjasama BKISHHB yang juga dibuka kepada orang

ramai.

Bilik Rambut Mulia Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam seterusnya akan dibuka lagi pada tahun hadapan, dalam bulan Januari 2025 selama tiga hari sempena memperingati peristiwa Israk dan Mikraj.

Turut hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap JPM, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, dan Kementerian Pembangunan, Timbalan Setiausaha Tetap JPM dan pengarah dan ketua-ketua jabatan dari JPM, Jabatan Muzium-Muzium, Pusat Sejarah Brunei dan Jabatan Mufti Kerajaan, selaku Ahli-ahli Urus Setia Lembaga Penasihat BKISHHB.

## NBD, JERMAN KUKUHKAN KERJASAMA RAPAT



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hadir pada Majlis Resepsi sempena Memperingati Hari Penyatuan Jerman Ke-34, 2024 (Day of German Unity) dan Hubungan Diplomatik antara NBD dan Republik Persekutuan Jerman Ke-40 Tahun.

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Azmah Haji Ahad

**JERUDONG**, Khamis, 3 Oktober. - Kedutaan Republik Persekutuan Jerman di Negara Brunei Darussalam (NBD) mengadakan Majlis Resepsi sempena Memperingati Hari Penyatuan Jerman Ke-34, 2024 (Day of German Unity) dan Hubungan Diplomatik antara NBD dan Republik Persekutuan Jerman Ke-40 Tahun yang berlangsung di Royal Brunei Polo and Riding Club, malam tadi.

Hadir mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada majlis berkenaan ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamshay bin Pengiran Dato Paduka Haji

Mustapha selaku tetamu kehormat. Majlis dimulakan dengan Lagu Kebangsaan NBD, diikuti dengan Republik Persekutuan Jerman dan Eropah.

Dalam ucapannya pada majlis berkenaan, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Persekutuan Jerman ke NBD, Puan Yang Terutama Gerda Winkler antara lain berkata, Republik Persekutuan Jerman dan NBD telah lama menikmati hubungan yang kukuh dan rapat sejak berdedikasi lamanya.

"Tahun ini menandakan Ulang Tahun Ke-40 Hubungan Diplomatik dua hala antara NBD dan Republik Persekutuan Jerman yang ditubuhkan pada 30 Januari 1984, iaitu hanya empat minggu selepas Hari Kemerdekaan Brunei," tambahnya.

Duta Besar Jerman (yang tidak menetap) pertama ke NBD, Tuan Yang Terutama Dr. Wolfram Dufner

menyerahkan Surat Tauliah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 2 Mei 1984.

"Manakala Duta Besar NBD (yang tidak menetap) pertama ke Persekutuan Republik Jerman telah dianugerahkan pada 9 September 1984 kepada Tuan Yang Terutama Pengiran Haji Jaya," terang Puan Yang Terutama.

PYT seterusnya mengongsikan, langkah seterusnya ialah pembukaan kedua-dua. Pada 14 Mac 1985 Republik Persekutuan Jerman membuka Kedutaan di Bandar Seri Begawan dan pada 15 Oktober 1990, NBD membuka kedutaannya di Bonn.

NBD dan Republik Persekutuan Jerman, ujar PYT, menikmati hubungan yang sangat baik dan merupakan rakan kongsi yang boleh dipercayai antara satu sama lain di samping berkongsi pandangan yang sama tentang nilai perintah antarabangsa berdasarkan peraturan, mengenai multilateralisme dan kepentingan perdagangan bebas.

Upacara kemuncak majlis ialah Acara Memotong Kek yang disempurnakan bersama oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi dan PYT Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Persekutuan Jerman ke NBD.

Pada majlis berkenaan juga, tetamu kehormat majlis turut menerima cenderamata daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Persekutuan Jerman ke NBD. Juga hadir pada majlis berkenaan ialah para perwakilan asing ke NBD serta para jemputan khas.



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi bersama Puan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Persekutuan Jerman ke NBD semasa Acara Memotong Kek.

## Waspada dengan skim penipuan

>> Muka 9

BIBD menasihatkan orang ramai supaya sentiasa berhati-hati dan mengikuti langkah keselamatan berikut, Jangan muat turun atau *install* fail APK daripada sumber yang tidak diketahui atau tidak disahkan, kerana ia mungkin mengandungi perisian berbahaya.

Sentiasa akses perkhidmatan BIBD melalui aplikasi NEXGEN Wallet rasmi atau melalui laman sesawang BIBD di [www.bibd.com.bn](http://www.bibd.com.bn).

Jangan sekali-kali mendedahkan butiran perbankan, bukti kelayakan log masuk atau OTP kepada pihak ketiga, tanpa mengira permintaan.

BIBD menggesa semua pelanggan untuk membantu menyebarkan berita tentang tawaran kerja palsu dan penipuan ini.

Berkongsi maklumat ini dengan keluarga, rakan dan rakan sekerja boleh membantu melindungi orang lain daripada menjadi mangsa skim penipuan ini.

Pelanggan yang mengesyaki mereka mungkin menjadi mangsa penipuan sedemikian adalah digalakkan untuk membuat laporan rasmi dengan Pasukan Polis Diraja Brunei dan membuat aduan kepada BIBD, memberikan salinan laporan polis tersebut.

# MENANGANI PENYAKIT MENTAL PERLUKAN PENDEKATAN HOLISTIK

Oleh: Khartini Hamir  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



**BERAKAS**, Rabu, 2 Oktober. - Kesihatan mental merupakan satu keperluan asas yang perlu dijaga dan dipelihara dengan baik kerana ia merupakan asas kepada kesejahteraan seseorang individu untuk berinteraksi dengan orang lain, menyedari keupayaan diri, mampu mengendalikan tekanan serta cabaran yang timbul dalam kehidupan sehari-hari agar seseorang dapat menjalani

kehidupan dengan baik.

Sehubungan dengan itu, sesi terakhir Seminar Majlis Ilmu 2024 membincangkan sub tema 'Kesihatan Mental dan Persekutuan' yang berlangsung petang tadi di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi

(Ekonomi), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid.

Kertas kerja yang bertajuk 'Terapi Psiko-Spiritual Melalui Majlis Zikir Dalam Menangani Isu Kesihatan Mental Menurut Perspektif Al-Quran dan Sunnah' disampaikan oleh Dekan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Profesor Madya Dr. Mohd Zohdi bin Mohd Amin.

Beliau menyentuh akan peranan Majlis Zikir sebagai terapi psiko spiritual dalam menangani masalah kesihatan mental berdasarkan perspektif Al-Quran dan Sunnah.

Pada era moden ini katanya, masalah kesihatan mental seperti kemurungan, kebimbangan, dan tekanan emosi semakin meningkat, khususnya dalam kalangan masyarakat Islam.

Justeru itu tambahnya, Majlis Zikir yang melibatkan pengingatan kepada Allah secara berjemaah, merupakan salah satu amalan spiritual yang diyakini dapat membawa ketenangan jiwa dan menyumbang kepada kesejahteraan mental individu.

Manakala, Pensyarah Fakulti Syariah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Hafini bin Mahmud, pula menyampaikan kertas kerja bertajuk 'Pencegahan Penyakit Mental Menurut Perspektif Maqasid Syariah'.

Beliau membincangkan akan kepentingan menjaga akal dalam Islam dan juga perspektif Maqasid Syariah dalam mencegah penyakit mental, terutama dari segi daruriyat, hajiyat dan tahniahat.

Dalam era moden ini



YANG Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Kementerian Kewangan dan Ekonomi hadir selaku tetamu kehormat pada sesi terakhir Seminar Majlis Ilmu 2024 (atas). Manakala gambar kanan dan bawah, suasana pada seminar berkenaan.

menurutnya, kadar penyakit mental yang semakin meningkat memerlukan pendekatan pencegahan yang holistik, iaitu pendekatan kesihatan moden dan juga agama.

Maka melalui perspektif Maqasid Syariah ujarnya, ia dapat dicegah sesea ada dalam bentuk individu atau masyarakat, dan dari sudut individu pula ialah seperti dengan mencegah perbuatan-perbuatan yang melemahkan fungsi akal atau yang menyebabkan kekacauan padanya.

Sementara itu, Pegawai Psikologi, Unit Klinikal Psikologi, Kementerian Kesihatan, Awang Ahmad Zahid bin Md. Daud, menyampaikan kertas kerja yang bertajuk 'Kesihatan Mental : Pentingnya Kefahaman, Penanganan Berkesan dan Langkah Pencegahan'.

Antara inti pati yang dapat diambil dalam pembentangan berkenaan adalah kesihatan

mental memainkan peranan penting dalam kesejahteraan individu dan masyarakat.

Di Negara Brunei Darussalam (NBD) katanya, isu kesihatan mental semakin mendapat perhatian dengan peningkatan kes kemurungan, kebimbangan, dan tekanan dalam kalangan penduduk.

Dengan peningkatan kesedaran awam terangnya, sokongan yang mencukupi serta pendekatan Whole of Nation Approach, maka isu kesihatan mental dapat ditangani dengan lebih berkesan di NBD, menjurus kepada masyarakat yang lebih sihat dari segi mental dan fizikal.

Turut hadir ialah Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan, para jemputan khas, para pembentang kertas kerja, pegawai dan kakitangan daripada pelbagai kementerian dan jabatan.



## Kongsi kajian, amalan undang-undang

Siaran Akhbar dan Foto : Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 2 Oktober. - Ketua Hakim Mahkamah Besar, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong Wan Oon mengadakan Sesi Perjumpaan bersama pelajar undang-undang Negara Brunei Darussalam (NBD) di Suruhanjaya Tinggi NBD di London, baru-baru ini.

Ketua Hakim Mahkamah Besar telah disambut oleh Pesuruhjaya Tinggi NBD ke United Kingdom dan Eire, Tuan Yang Terutama Laksamana Pertama (B) Pengiran Dato Seri Pahlawan Norazmi bin Pengiran Haji Muhammad dan Pengarah Pengajian Unit Pelajar NBD, Awang Mohammad Danny bin Aimi.

Acara tersebut menandakan kali pertama Ketua Hakim Mahkamah Besar dan anggota Badan Kehakiman terlibat mengadakan Sesi Perjumpaan bersama pelajar undang-undang NBD di United Kingdom.

Ketua Hakim Mahkamah Besar semasa Sesi Perjumpaan tersebut mengongsikan mengenai kajian dan amalan undang-undang dan refleksi tentang kerjaya dalam amalan undang-undang di NBD.

Dalam ucapan pembukaannya, Ketua Hakim Mahkamah Besar mengongsikan perjalannya dalam undang-undang dan berkata bahawa amalan undang-undang

merupakan profesion yang menuntut dan mencabar secara intelektual tetapi juga yang paling bermanfaat.

Yang Amat Arif juga turut menyatakan tentang bagaimana profesion guaman adalah satu yang mulia dan ia menuntut standard etika, profesionalisme dan komitmen yang tinggi terhadap keadilan untuk semua.

Yang Amat Arif juga berkata bahawa profesion undang-undang berubah dengan pesat dan amalan undang-undang sedang dibentuk semula oleh teknologi dan Kecerdasan Buatan. Beliau juga menjelaskan kepentingan mempunyai kelebihan daya saing dengan menghokusukan diri dalam bidang undang-undang yang paling diminati di NBD.

Yang Amat Arif juga menggalakkan pelajar mengambil inisiatif pro bono untuk mengasah kemahiran mereka sebagai penyokong masa depan dan menjalani program latihan untuk membangunkan kemahiran yang akan meningkatkan kesediaan bekerja.

Ia ditegaskan oleh Ketua Hakim Mahkamah Besar bahawa bimbingan adalah bahagian penting dalam perjalanan dalam undang-undang dan semua pelajar dan pegawai muda harus secara aktif memupuk dan mencari



YANG Amat Arif Ketua Hakim Mahkamah Besar semasa bergambar ramai pada Sesi Perjumpaan bersama pelajar undang-undang Negara Brunei Darussalam (NBD) di Suruhanjaya Tinggi NBD di London.

peluang untuk tunjuk ajar.

Ketua Hakim Mahkamah Besar berkata bimbingan adalah elemen penting dalam latihan, berfungsi sebagai jambatan antara pendidikan dan amalan undang-undang serta memudahkan penghantaran kemahiran dan membantu menurunkan etika, nilai dan tradisi profesi undang-undang.

Yang Amat Arif juga bercakap kepada pelajar tentang nilai mendapatkan kelayakan tambahan dalam penyelesaian pertikaian alternatif dan mengenai inisiatif yang dibuat oleh Badan Kehakiman

dan Pusat Timbang Tara Brunei Darussalam (BDAC) di mana kedua-dua mahkamah dan BDAC menawarkan perkhidmatan pengantaraan kepada pihak-pihak.

Beliau menjelaskan bahawa ramai hakim dan pegawai kehakiman dan peguam dalam amalan swasta di NBD adalah pengantara yang berkelayakan dan menjalani akreditasi dengan BDAC dan Pusat Pengantaraan Singapura (SMC).

Ketua Hakim Mahkamah Besar mengakhiri ucapannya dengan menyatakan komitmen Badan

Kehakiman untuk menyokong pelajar undang-undang dan graduan dalam perjalanan mereka dan bahawa pelajar mempunyai peranan penting dalam menerusi profesion undang-undang di NBD ke masa hadapan.

Sesi Perjumpaan juga menyaksikan pembentangan mengenai sistem keadilan dan amalan perundangan di NBD yang disampaikan oleh Pemangku Ketua Pendaftar Mahkamah Besar, Dayang Hajah Hazarena binti POKSJ DP Haji Hurairah, diikuti dengan sesi soal jawab bersama pelajar.

# TINGKATKAN KERJASAMA ANTARABANGSA DALAM MEMERANGI JENAYAH

Siaran Akhbar dan Foto : Pejabat Peguam Negara

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 3 Oktober. - Persidangan dan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Pendakwa Antarabangsa (International Association of Prosecutors - IAP) Ke-29 dihoskan oleh Pejabat Pendakwa Negara Republik Azerbaijan, baru-baru ini.

Acara ini menghimpunkan kira-kira 470 pendakwa raya dan pakar undang-undang daripada 95 negara, di mana perbincangan tertumpu pada peranan pelbagai aspek pendakwa dalam menegakkan Kedaulatan Undang-undang dan memastikan integriti dan keberkesan sistem keadilan jenayah.

Persidangan selama empat hari ini dihadiri oleh delegasi pendakwa dari Bahagian Keadilan Jenayah, Pejabat Peguam Negara Brunei Darussalam yang diketuai oleh Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib.

Tema persidangan, 'The Role of the Prosecutor in Upholding the Rule of Law', memudahkan perbincangan mengenai isu-isu penting seperti ketelusan, akauntabiliti dan perlindungan data dalam konteks bukti digital dan

penggunaan kecerdasan buatan. Persidangan itu juga memaparkan topik lain, mengenai pendakwaan keganasan domestik dan berasaskan jantina, jenayah ekonomi dan pemulihan aset.

Semasa persidangan itu, Yang Berhormat Peguam Negara turut mengadakan Sesi Perjumpaan dengan Ketua Pendakwa Raya Republik Azerbaijan, Dr. Kamran Aliyev dan membincangkan pelbagai isu undang-undang yang menjadi perhatian bersama, menekankan kepentingan kerjasama antarabangsa dalam mengukuhkan kedaulatan undang-undang.

IAP ditubuhkan pada Jun 1995 di Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Vienna, ia kekal sebagai organisasi pendakwa global yang penting, dengan lebih 183 ahli organisasi daripada lebih 177 negara berbeza.

IAP berfungsi sebagai platform utama untuk pendakwa raya di seluruh dunia, dalam mempromosikan kedaulatan undang-undang dan meningkatkan kelakuan profesional dan standard etika untuk pendakwa di seluruh dunia serta meningkatkan kerjasama antarabangsa dalam memerangi jenayah.



YANG Berhormat Peguam Negara mengetuai delegasi pendakwa dari Bahagian Keadilan Jenayah, Pejabat Peguam Negara Brunei Darussalam ke Persidangan dan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Pendakwa Antarabangsa (International Association of Prosecutors - IAP) Ke-29.

## Memperkasakan peranan belia Da'ie laksanakan dakwah



**JANGSAK,** Jumaat, 4 Oktober. - Badan Sukarelawan Belia Da'ie, dengan sokongan Urusetia Program Keagamaan Belia, Pusat Da'wah Islamiah (PDI) awal pagi tadi mengadakan Program Pejuang Fajr Kali Ke-14 yang berlangsung di Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah,

Kampung Jangsak, di sini. Hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Juga hadir sama, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Haji Amir Hisham bin Haji

Masri; Penolong Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman; dan Pemangku Penghulu Mukim Kilanas dan Ketua Kampung Tasek Meradun dan Bunut, Awang Hussaini bin Haji Mohsin.

Program dimulakan dengan Sembahyang Sunat Tahajud yang

Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir pada Program Fajr Kali Ke-14.

bil Ma'ruf wan Nahyu'anil Munkar di Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui Kempen Solat Subuh Berjemaah.

Ia juga antara lain bagi menanam rasa kebersamaan dan silaturahim dalam kalangan belia dengan orang awam serta sebagai platform dakwah dalam memupuk kesedaran seluruh para belia tentang perjuangan untuk mendirikan Solat Subuh, serta untuk mengimarahkan masjid dengan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang bermanfaat seperti qiamullail, Solat Fardu Berjemaah, membaca ayat suci Al-Quran dan tazkirah (majlis ilmu).

Program tersebut mendapat sambutan menggalakkan dengan kehadiran kurang lebih seramai 150 orang yang terdiri daripada jemputan khas, penduduk Kampung Jangsak dan kawasan sekitarnya, belia-belia berdaftar di bawah Program Keagamaan Belia KHEU, Institusi-institusi Pengajaran Tinggi, JAMA'AT dan juga orang awam.

Program berkenaan juga disiarkan secara langsung melalui akaun Instagram rasmi Belia Da'ie.



SEKITAR program berkenaan yang berlangsung di Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampung Jangsak (atas). Sementara gambar kanan, Tazkirah Subuh bertajuk 'Akhlak Rasulullah, Rahmatan Lil 'Alamin' disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, KHEU, Pengiran Ahmad Faris Ramadhan bin Pengiran Haji Sellahuddin.

# Penandatanganan MoU kukuhkan kerjasama maritim NBD, Kanada



SEKITAR majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Pihak Berkusa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) dan Jabatan Pengangkutan Kanada (kiri dan kanan).

LONDON, Rabu, 2 Oktober. — Pihak Berkusa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) dan Jabatan Pengangkutan Kanada secara rasmi telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai pengiktirafan bersama sijil yang dikeluarkan di bawah peruntukan Konvensyen Antarabangsa mengenai Piawaian Latihan, Pensijilan dan Pengawasan untuk Pelaut

(Standards of Training, Certification and Watchkeeping for Seafarers-STCW) 1978, yang telah dipinda.

Perjanjian penting berkenaan ditandatangani di Ibu Pejabat Pertubuhan Maritim Antarabangsa (International Maritime Organization - IMO) semasa Mesyuarat Eighty-Second Session Jawatankuasa Perlindungan Alam Sekitar Marin (Marine Environment Protection Committee - MEPC)

**Siaran Akhbar dan Foto : Pihak Berkusa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam**

yang diadakan di London, United Kingdom.

MoU berkenaan menandakan langkah penting dalam mengukuhkan kerjasama maritim antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Kanada, memastikan bahawa kelayakan dan kecekapan pelaut daripada kedua-dua negara diiktiraf secara sama rata.

Perjanjian berkenaan akan membolehkan pengambilan pelaut NBD dan Kanada untuk bekerja di atas kapal yang berdaftar di bawah bendera mana-mana negara, mempromosi pertumbuhan dan pembangunan melalui pendedahan serta kerjasama antarabangsa yang lebih baik.

Majlis Penandatanganan berkenaan disaksikan oleh wakil daripada kedua-dua negara, iaitu Ketua Eksekutif MPABD, Kapten (B) Zil Husam bin Haji Abdul Rahman, yang mewakili NBD, manakala Wakil Tetap Alternatif Kanada ke IMO, Michelle Sanders, mewakili Kanada.

Pesuruhjaya Tinggi NBD ke United Kingdom, Tuan Yang Terutama Laksamana Pertama (B) Pengiran Dato Seri Pahlawan Norazmi bin Pengiran Haji Muhammad; dan Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke United Kingdom dan Ireland Utara, the Honourable Ralph Goodale, serta Wakil Tetap ke IMO, turut hadir bagi menyaksikan Majlis Penandatanganan berkenaan.

Penandatanganan MoU berkenaan mencerminkan komitmen kedua-dua buah negara dalam menegakkan piawaian antarabangsa dalam sektor maritim, khususnya dalam latihan dan pensijilan pelaut, seperti yang dinyatakan dalam STCW.

Melangkah ke hadapan, MoU berkenaan akan menjadi asas untuk kerjasama masa depan antara NBD dan Kanada, meliputi latihan maritim, kelestarian alam sekitar, dan kebijakan pelaut.

## DBP ANJUR FESTIVAL TEATER MASTERA



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Adzrie Pg. Haji Nikman



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir selaku tetamu kehormat menyaksikan persembahan Festival Teater Mastera (Apresiasi Naskhah Drama) 2024 yang berlangsung di Balai Samayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka (atas kiri). Manakala gambar atas kanan, antara persembahan pada festival berkenaan, sementara gambar bawah, sebahagian daripada yang hadir menyaksikan festival tersebut.



BERAKAS, Rabu, 2 Oktober. — Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) selaku Sekretariat Majlis Sastera Asia Tenggara (Mastera) Brunei Darussalam mengungkayahkan Festival Teater Mastera (Apresiasi Naskhah Drama) 2024 sebagai salah satu rangkaian kegiatan utama di bawah Sidang Ke-28 Mastera, 2024.

Projek tersebut diselenggarakan dengan kerjasama empat buah Negara Anggota Mastera iaitu Republik Indonesia, Malaysia, Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam (NBD) yang mendukung salah satu perancangan Pelan Strategik Mastera dalam tempoh tahun 2023

hingga 2027.

Hadir selaku tetamu kehormat menyaksikan persembahan yang berlangsung di Balai Samayuda, DBP ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah; Pemangku Pengarah DBP, Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit juga selaku Penggerusi Mastera Brunei Darussalam dan pegawai-pegawai kanan kerajaan, perwakilan Negara Anggota Mastera dari Indonesia, Malaysia dan

Singapura, para penggiat seni, mahasiswa institusi pendidikan tinggi di NBD.

Pementasan teater pertama ialah 'Sahifah' oleh Kumpulan Putra Seni dari NBD, disusuli dengan teater berjudul 'Hutan Betina' oleh Universitas Pendidikan Indonesia.

Kemudian persembahan oleh Badan Budaya DBP dari Malaysia yang memperlihatkan persembahan teater bertajuk 'Gelodak: Sebuah Monodrama' dan diikuti dengan teater bertajuk 'Keraguan: Sebuah Forum Teater' oleh Goal Aspiration (Singapura). Majlis diakhiri dengan penyampaian sijil dan cenderamata.

# CAEXPO KE-21 MEMPERLUASKAN KERJASAMA STRATEGIK SERANTAU



Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 3 Oktober. - Ekspo China-ASEAN (CAEXPO) Kali Ke-21 telah diadakan pada 24 sehingga 28 September 2024 di Nanning International Convention and Exhibition Centre (NICEC), Nanning, Republik Rakyat China.

CAEXPO Kali Ke-21 ini telah dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Ding Xuexiang.

Delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) telah diketuai oleh Setiausaha Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Industri), Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE), Dr. Hajah May Fa'ezah binti Ahmad Ariffin.

Turut hadir adalah Presiden dan Ahli-ahli Dewan Perniagaan dan Perindustrian Negara Brunei

Darussalam (NCCIBD) dan Majlis Perniagaan BIMP-EAGA (BEBC).

Di bawah tema utama pada tahun ini iaitu Upholding Amity,

DELEGASI Negara Brunei Darussalam diketuai oleh Setiausaha Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Industri), Kementerian Kewangan dan Ekonomi menghadiri Ekspo China-ASEAN (CAEXPO) Kali Ke-21 diadakan di Nanning International Convention and Exhibition Centre (NICEC), Nanning, Republik Rakyat China pada 24 sehingga 28 September 2024 (kiri dan bawah).

Sincerity, Mutual Benefit and Inclusiveness for Common Development, Creating a Diamond Crown New Future - Promoting Development of a China-ASEAN Free Trade Area 3.0 and High-Quality Growth of This Region. ASEAN and China terus membina kerjasama yang strategik dan mengukuhkan persefahaman serta kepercayaan melalui konsep

saling menghormati di antara pemimpin dan sektor perniagaan dan industri semasa ekspo berkenaan.

Sebanyak 17 syarikat termasuk Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Badan Berkanun dan ejen pelancongan dari NBD telah menyertai CAEXPO berkenaan.

NBD juga telah menganjurkan Persidangan Bagi Mempromosikan Peluang Perniagaan di Negara Brunei Darussalam dan sesi Padanan Perniagaan, pada mana taklimat telah disampaikan oleh Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei, Daniel Leong.

Persidangan berkenaan telah menarik seramai 100 pelabur yang berpotensi.

Dr. Hajah May Fa'ezah juga telah berkesempatan untuk mengadakan perjumpaan

bersama dengan Naib Pengurus Persidangan Perundingan Politik Rakyat China (CPPCC) Jawatankuasa Guangxi, Tuan Yang Terutama Huang Junhua.

Beliau menekankan bahawa sejak penuhnya hubungan diplomatik pada tahun 1991, pelaburan dan perdagangan dua hala antara kedua-dua negara telah menunjukkan peningkatan dan menyumbang kepada pembangunan dan transformasi ekonomi NBD.

Di samping itu, kerjasama dalam Koridor Ekonomi Brunei-Guangxi (BGEC) juga telah menyaksikan kemajuan positif melalui pelbagai projek usaha sama antara lainnya kerjasama bersama Syarikat Pelabuhan Muara (MPC) dan anak syarikat MPC iaitu Muara International Fish Landing (MIFL).



## Komitded bincangkan rancangan strategik Mastera dengan teliti, sepakat



DEWAN Bahasa dan Pustaka (DBP) selaku Sekretariat Majlis Sastera Asia Tenggara (Mastera) Brunei Darussalam mengendalikan Sidang Mastera Ke-28, 2024 yang berlangsung selama dua hari di Hotel Antarabangsa Rizqun.

Bahagian Sastera dan Majalah, Dayang Wathiqah Amirah binti Haji Wasli selaku Setiausaha Mastera Brunei Darussalam; Wakil Ketua Mastera Indonesia, Awang Hafidz Muksin; Pengurus Mastera Malaysia, YBrs. Dr. Hazami bin Jahari; dan Pengurus Mastera Singapura, Dr. Azhar Ibrahim.

Sidang Mastera merupakan projek kerjasama kesusastraan di peringkat rantau yang dianggotai oleh Negara Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia, Singapura dan Thailand.

Mesyuarat merupakan pertemuan perwakilan Negara Anggota Mastera dan pakar Mastera setiap tahun secara bergilir di Negara Anggota Mastera bagi membincang, menyelaras, mengemas kini dan memutuskan pelaksanaan program dan projek Mastera di negara masing-masing, sekali gus persediaan dan persiapan bagi Sidang Ke-29 Mastera, 2025 di Singapura.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**GADONG**, Rabu, 2 Oktober. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) selaku Sekretariat Majlis Sastera Asia Tenggara (Mastera) Brunei Darussalam pada tahun ini menjadi tuan rumah bagi mengendalikan Sidang Mastera Ke-28, 2024 yang berlangsung selama dua hari bermula hari ini di Hotel Antarabangsa Rizqun, di sini.

Hadir selaku Pengurus Mastera Brunei Darussalam dan seterusnya

menyempurnakan perasmian sidang berkenaan ialah Pemangku Pengarah DBP, Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit.

Pemangku Pengarah DBP dalam ucapannya menjelaskan seiring dengan perkembangan dan kemajuan dunia pada hari ini, Mastera perlu menggandakan usaha mempromosikan dan memperkenalkan semua produk Mastera bukan sahaja di peringkat

rantau, malah peringkat sejagat.

"Saya penuh berharap agar dalam persidangan ini nanti, kita akan dapat menyelesaikan tugas dalam waktu yang singkat tetapi sempurna dan mencapai sasaran yang diharapkan. Keberhasilan ini nanti tidak lepas daripada komitmen kerjasama di antara Negara-negara Anggota Mastera dalam membincangkan, membahaskan dan mengesahkan usulan rancangan-rancangan strategik Mastera dengan teliti dan sepakat.

"Syukur alhamdulillah, beberapa projek Mastera yang diungkayahkan bersama jua telah berhasil dengan terbitnya buku-buku seperti The Silk Road of Archipelago dan Antologi Sajak Penyair Kembara," tambahnya lagi.

Mesyuarat juga dihadiri oleh perwakilan Negara Anggota Mastera, iaitu Pemangku Timbalan Pengarah, Dr. Haji Mohd. Ali bin Haji Radin selaku Timbalan Pengurus Mastera Brunei Darussalam; Pemangku Ketua



**B**ERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Ghafir, ayat 67 :

**Tafsirnya** : "Dialah yang menciptakan kamu daripada tanah, kemudian daripada (percantuman) air mani (laki-laki dan perempuan) kemudian daripada segumpal darah beku, kemudian dia mengeluarkan kamu (daripada kandungan ibu kamu) berupa kanak-kanak, kemudian kamu (dipelihara) hingga dewasa, kemudian (kamu dipanjangkan umur) hingga ada yang sampai menjadi tua. Dan di antara kamu ada yang dimatikan sebelum itu (Allah melakukannya yang demikian) supaya kamu sampai kepada ajal yang ditentukan dan supaya kamu memahaminya".

Antara fitrah kehidupan kita di dunia ini, kita akan melalui beberapa proses fasa. Bermula daripada fasa dalam kandungan ibu, fasa selepas kelahiran, fasa kanak-kanak, fasa dewasa dan akhirnya jika dipanjangkan umur, akan memasuki fasa penuaan. Pada ketika usia tua itu, secara semula jadinya kita akan berada dalam

## Menjaga dan memeduli warga emas

serba kekurangan berbanding masa muda sama ada dari segi kekuatan fizikal, daya ingatan dan juga emosi. Inilah sunnah Allah ketika usia tua, Allah Subhanahu Wata'ala akan menarik balik nikmat satu persatu. Ketahuilah, bahawa semakin bertambah umur itu bererti semakin kurang jangka hayatnya dan semakin hampir pula kepada ajalnya. Perubahan fasa-fasa ini akan dilalui sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala di dalam Surah Ar-Rum, ayat 54 :

**Tafsirnya** : "Allah yang menciptakan kamu daripada keadaan lemah, selepas berkeadaan lemah itu dia menjadikan kamu berkeadaan kuat (muda) setelah itu dia menjadikan kamu lemah semula dan tua beruban. Dia menciptakan apa yang dikehendakinya dan Dia Maha Mengetahui lagi Maha Berkuastra".

Di dalam agama Islam, dikurniakan dengan umur yang panjang bukanlah satu masalah atau beban. Sebaliknya, ia adalah proses biasa dan bertujuan antaranya menguji tahap keimanan kita selaku hamba dalam menghadapi situasi berkenaan. Di samping itu, ia bersangkut paut dengan salah satu kerangka pokok ajaran Islam iaitu akhlak selain akidah dan syariat. Sesungguhnya agama Islam telah mengatur seawal akhlak itu secara sistematis dan terperinci, antaranya perintah dan kewajipan dan menghormati warga emas lebih-lebih lagi terhadap kedua-dua ibu bapa.

Sesungguhnya warga emas mempunyai hak untuk mendapat kasih sayang dan penghormatan. Setiap individu perlu memainkan peranannya sebagai seorang penjaga lebih-lebih lagi apabila mereka menghidap penyakit tertentu sama ada kesihatan jasmani atau mula lemah keupayaan mentalnya. Ia memerlukan kepada kesabaran dan kecekalan hati. Dalam hal ini Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam meremintahkan umatnya untuk menghormati orang tua dan menganjurkan untuk menjaga hak mereka. Perkara ini telah dijelaskan dalam sebuah hadis Baginda. Daripada Anas bin Malik Radiallahu Anhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya** : "Bukanlah daripada

golongan kami barang siapa yang tidak mengasihikan kanak-kanak dan tidak menghormati orang dewasa". (Hadis Riwayat Termizi)

Dalam hadis yang lain, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ada memberikan panduan tentang amalan yang boleh dilakukan oleh seseorang sebagai usaha mencapai keredaan Allah Subhanahu Wata'ala sehingga mudah untuk memasuki syurga. Daripada Abu Hurairah Radiallahu Anhu, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya** : "Amat rugi, amat rugi, amat rugi. Baginda ditanya : "Siapa (yang engkau maksudkan) Wahai Rasulullah?" Rasulullah menjawab : "Siapa sahaja yang mempunyai orang tuanya ketika sudah lanjut usia, salah satu atau keduanya namun tidak (menjadikannya sebab) masuk syurga". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Alhamdulillah, bagi kita yang tinggal di negara ini, kita patut berasa bersyukur kerana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam amat mengambil berat terhadap kebajikan warga emas. Warga emas di negara ini tidak diabaikan begitu saja, malah mereka diberikan pemedulian dengan bantuan-bantuan yang sewajarnya.

Perlu diingat, bahawa tanggungjawab terhadap warga emas bukan hanya menjadi tanggungjawab kerajaan sahaja, akan tetapi sepatutnya kita semua khususnya anak-anak lebih bertanggungjawab terhadap mereka. Warga emas tidak sepatutnya dianggap sebagai satu beban dan diabaikan kebajikannya. Tiada apa yang lebih bermakna untuk diberikan kepada warga emas dalam meniti usia mereka selain diberikan perhatian dan kasih sayang oleh anak-anak mereka.

Pada usia inilah kebiasaannya ibu bapa yang mencapai umur lanjut menghendaki dan memerlukan perhatian serta kasih sayang daripada anak-anaknya. Sebagai seorang anak, ada kalanya bermacam-macam kerena yang kita hadapi dalam menjaga orang tua.

Dalam menghadapi situasi demikian, sebagai seorang anak, kita hendaklah

bersabar melayani kerena mereka, jangan sekali-kali memarahi, mengherdik, menggertak dan memukul orang tua kerana perbuatan sedemikian akan mengguris dan menyakiti hati mereka. Jasa dan pengorbanan mereka dalam menjaga dan membesarakan kita, tidak akan dapat kita balas walau dengan nyawa, harta dan wang ringgit. Ingatlah, Al-Quran telah meletakkan kewajipan berbakti kepada ibu bapa termasuk apabila mereka mencapai usia tua sejurus selepas perintah beriman kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan tidak menyekutukannya. Firman Allah Subhanahu Wata'ala di dalam Surah Al-Isra', ayat 23 :

**Tafsirnya** : "Dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah melainkan Dia semata-mata dan hendaklah kamu berbuat baik kepada ibu bapa dengan sebaik-baiknya. Jika salah seorang daripada mereka berdua atau keduanya berumur lanjut dalam jagaan dan peliharaanmu maka janganlah sekali-kali engkau mengatakan kepada kedua-duanya (sesuatu perkataan yang boleh menyenggung perasaan seperti perkataan) 'Ah' dan janganlah engkau menengking kedua-duanya tetapi ucapkanlah kepada kedua-duanya perkataan yang mulia (dengan berlembut dan bersopan santun)".

Oleh yang demikian, sama-sama kita menghormati dan menjaga kebajikan warga emas dengan memberikan kasih sayang dan memastikan kesempurnaan hidup mereka. Sebaliknya janganlah kita mengabaikan dan mensia-siakan mereka. Mereka adalah generasi yang terdahulu yang telah banyak berkorban dan menyumbang kepada keluarga dan masyarakat. Marilah kita sama-sama mendoakan kesejahteraan mereka dan semoga mereka akan sentiasa mendapat perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal Alamin.

**Tafsirnya** : "Dan hendaklah engkau merendah diri dengan penuh kasih sayang dan berdoalah (untuk kedua-duanya) : Ya Tuhan! Kurniakanlah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah memelihara dan mendidik sejak kecil (lagi)". (Surah Al-Isra', ayat 24)

## 2 peserta wakili NBD bagi Majlis Tilawah, Menghafaz Al-Quran Peringkat Antarabangsa

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Azmah Haji Ahad

**BERAKAS**, Rabu, 2 Oktober. - Negara Brunei Darussalam (NBD) sekali lagi diberi penghormatan oleh pihak pengajur Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Antarabangsa Kali Ke-64 di Kuala Lumpur, Malaysia dengan menjemput seorang hakim dari NBD, iaitu Pemangku Penolong Pengarah, Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali, bagi menghakimi musabaqah di Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Antarabangsa Kali Ke-64 di Kuala Lumpur, Malaysia yang akan diadakan bermula 5 Oktober ini.

Dalam pada itu, NBD juga turut menghantar dua wakil untuk menyertai Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran berkenaan, iaitu peserta qari, Pengiran Muhammad Amirul Aiman bin

Pengiran Haji Marjuki dan peserta qariah, Dr. Dayang Hajah Siti Wardah binti Mejai (B) Haji Abdul Rahman yang berlangsung dari 5 hingga 12 Oktober 2024.

Rombongan berlepas meninggalkan NBD lewat petang tadi ke Kuala Lumpur, Malaysia.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat baylor kepada rombongan, Setiausaha Tetap, KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar Dan Keugamaan), KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar.

Juga hadir, Ketua Bahagian Kemajuan Syiar Islam, Bahagian Kemajuan Syiar Islam, KHEU, Awang Haji Aziman bin Haji Awang Zaman. Turut menyertai rombongan



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat baylor kepada rombongan.

ialah pembimbing merangkap Pengurus Rombongan, Awang Mohammad Noor bin Haji Ibrahim; Dayang Hajah Nor Ismah Fatin Faridah binti Haji Rosbina.

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada  
30 Rabiulawal 1446H/4 Oktober 2024M

# MENJAGA DAN MEMEDULI WARGA EMAS



Antara fitrah kehidupan kita di dunia ini, kita akan melalui beberapa proses fasa:

**FASA DALAM KANDUNGAN IBU**

**FASA SELEPAS KELAHIRAN**

**FASA KANAK-KANAK**

**FASA DEWASA**

**FASA PENUAAN**

(jika dipanjangkan umur)



## USIA EMAS

Secara semulajadinya kita akan berada dalam serba kekurangan berbanding masa muda sama ada dari segi:



Kekuatan fizikal



Daya ingatan



Emosi

Kebiasaan ibu bapa yang mencapai umur lanjut menghendaki dan memerlukan perhatian serta kasih sayang daripada anak-anaknya

## WARGA EMAS

**Mempunyai hak untuk mendapat kasih sayang dan penghormatan**

Setiap individu perlu memainkan peranannya sebagai seorang penjaga lebih-lebih lagi apabila mereka menghidap penyakit tertentu sama ada kesihatan jasmani/mula lemah keupayaan mentalnya

**Tanggungjawab terhadap warga emas bukan hanya menjadi tanggungjawab kerajaan sahaja**

Sepatutnya kita semua khususnya anak-anak lebih bertanggungjawab kepada mereka. Mereka tidak sepertutnya dianggap sebagai satu beban dan diabaikan kebijikannya

**Sebagai seorang anak, kita hendaklah bersabar melayani karenah mereka**

Jangan sekali-kali memarahi, mengherdik, menggertak dan memukul orang tua kerana perbuatan sedemikian akan menguris dan menyakiti hati mereka

**TAKLIMAT**

**سُورَةٌ هُنَجَّابٍ فِي كُلِّ مَنْ عَوَامٌ**  
**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM**  
**JABATAN PERDANA MENTERI**  
**WWW.SPA.GOV.BN | WWW.RECRUITMENT.GOV.BN**

**Panduan Memohon Jawatan Kosong Menggunakan PSCR 2.0**

**SILA DAFTAR SEKARANG**

**26 OKTOBER 2024, HARI SABTU**  
**9.00 PAGI / 2.00 PETANG**  
**DEWAN TKT 1, WING A, BANGUNAN SPA**

**BARU**

Imbas kod QR atau layari pautan di bawah  
<https://bit.ly/TAKLIMATPSCR24> untuk membuat pendaftaran

**ISI KANDUNGAN TAKLIMAT:**

- PENGENALAN PSCR RECRUITMENT 2.0
- TATACARA MENGGUNAKAN PORTAL PSCR 2.0 DAN MELENGKAPKAN PROFIL
- TATACARA MEMOHON JAWATAN KOSONG DI PERKHIDMATAN AWAM DENGAN BETUL
- KESALAHAN-KESALAHAN DI DALAM AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
- SESI SOAL JAWAB

**Jawatan, Tanda Gaji dan Bilangan Iklan**    **Jabatan dan Kementerian**    **Kekosongan**    **Jenis Iklan**    **Tarikh Tutup Permohonan**

1. KETUA PEMBANTU TEKNIK C.3-4 EB.5 (BAHAGIAN III) 2024/SEP/01/KKW	PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA, KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI	01	7(A)	09 OKTOBER 2024
2. JURUTEKNIK TERNAKAN D.1-2 EB.4-5 (BAHAGIAN IV) 2024/SEP/03/KSSUP	JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN, KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN	01	7(A)	09 OKTOBER 2024
3. PENJAGA F.1-2 EB.3 (BAHAGIAN V) 2024/SEP/02/KHEU	KEMENTERIAN HAL EHWAH UGAMA	01	7(A)	09 OKTOBER 2024
4. PEMERHATI KAJICUACA TINGKAT I D.4 EB.5 (BAHAGIAN IV) 2024/SEP/01/KPI	JABATAN KAJICUACA BRUNEI DARUSSALAM, KEMENTERIAN PENANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI	02	38(B)	09 OKTOBER 2024
5. PENYELIA SIMPANAN DARAH M.7-8 EB.9 (BAHAGIAN III) 2024/SEP/02/KKS	JABATAN PERKHIDMATAN MAKMAL, KEMENTERIAN KESIHATAN	01	7(A)	09 OKTOBER 2024
6. JURUTERA TELEKOM B.2 EB.3 / B.2 (BAHAGIAN II) 2024/SEP/02/KKW	PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA, KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI	01	7(A)	12 OKTOBER 2024
7. PENGAWAS KENDERAAN C.2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2024/SEP/03/KKW	PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA, KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI	01	7(A)	12 OKTOBER 2024
8. PENOLONG PEGAWAI PERHUTANAN TINGKAT II C.1-2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2024/SEP/01/KSSUP	JABATAN PERHUTANAN, KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN	02	7(A)	12 OKTOBER 2024
9. RENJER HUTAN D.3-4 EB.5 (BAHAGIAN IV) 2024/SEP/02/KSSUP	JABATAN PERHUTANAN, KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN	01	7(A)	12 OKTOBER 2024
10. JURUTEKNIK BILIK GELAP M.3 EB.4 (BAHAGIAN IV) 2024/SEP/03/KKS	JABATAN PERKHIDMATAN PERUBATAN KEMENTERIAN KESIHATAN	01	7(A)	14 OKTOBER 2024

**PERINGATAN:**

- BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
- PEMOHON YANG BUKAN TERDIDI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIILAKUKAN DI BAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
- PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI [WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)



**Tajuk Sebut Harga :**  
To Develop and Operate Convenience Store at Brunei International Airport

BND30.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Bilangan Sebut Harga :**  
DCA / CCS / 2024 / T5(R)

**Bayaran Yuran Sebut Harga :**



Pusat Pembangunan Belia Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan Negara Brunei Darussalam

**Kenyataan Sebut Harga**

**Tajuk Sebut Harga:**  
Kontrak Penggal 24 Bulan bagi Pembekalan dan Penghantaran Peralatan Asrama di Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan, Jalan Utama Tanah Jambu, Negara Brunei Darussalam.

**Bilangan Sebut Harga:**  
08 / 2024 / KKBS / PPB / 05

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**  
Khamis, 17 Oktober 2024, jam 2.00 Petang.



**Makluman Tarikh Lanjutan**

**Kelas :**  
V & VI sahaja

**Kategori :**  
KA01

**Tarikh Mengambil Dokumen Tawaran :**  
31 Julai 2024

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Dilanjutkan:**

Selasa  
1 Oktober 2024  
Jam 3.00  
Petang.

**Tarikh Tutup Tawaran Dilanjutkan :**  
Selasa  
15 Oktober 2024,  
Tidak lewat  
jam 2.00  
Petang.

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DOR / SRM 13 / 2024

**Nama Projek:**  
Meningkatkan Tahap Keselamatan Jalan Raya

**Yuran Tawaran :**  
BND1,000.00  
(Tidak dikembalikan)



**Makluman Iklan Lanjutan**

Dibukakan Kepada Pemberong-Pemberong Yang Berdaftar Di Dalam

**Kelas :**  
V & VI sahaja

**Kategori :**  
KA01

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa,  
8 Oktober 2024,  
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DOR / SRM 18 / 2024

**Nama Projek:**  
Pemasangan dan Pemeliharaan Perabot Keselamatan Jalan Raya, Negara Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran :**  
BND500.00  
(Tidak dikembalikan)



**Makluman Iklan Lanjutan**

Dibukakan Kepada Pemberong-Pemberong Yang Berdaftar Di Dalam

**Kelas :**  
V & VI sahaja

**Kategori :**  
KA01

**Tarikh Tutup Tawaran :**

Selasa,  
8 Oktober 2024,  
Tidak lewat  
jam 2.00  
Petang.

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DOR / SRM 18 / 2024

**Nama Projek:**  
Pemasangan dan Pemeliharaan Perabot Keselamatan Jalan Raya, Negara Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran :**  
BND500.00  
(Tidak dikembalikan)



**Jabatan Hal Ehwal Masjid**  
**Bilangan Sebut Harga:**

JHEM / 01 / 08 / 2024

**Tajuk Sebut Harga:**

Membekal dan Menghantar Bendera Masjid Bagi Kegunaan Masjid-Masjid, Surau dan Balai Ibadat Seluruh Negara Di Jabatan Hal Ehwal Masjid, Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup:**  
Selasa,  
8 Oktober 2024  
Jam 2.00  
Petang





Bilangan Tawaran:  
02 / BBS / SH / 2024 – 2025 J.1

**Keterangan Projek:**  
Supply, Delivery And Install  
Of Smart TV, HDMI Cable  
And Splitter And  
Power Extension  
For Jabatan Bandaran  
Kuala Belait and Seria

**Yuran Tawaran:**  
BND5.00  
(Non-refundable)

**Tarikh Tutup :**  
Selasa,  
15 Oktober 2024.  
Jam 2.00  
Petang.



**Bilangan Sebut Harga:**  
KHEU / JPI / JKS / 09 /  
2024-2025

**Keterangan:**  
Membekal, Menghantar dan  
Menguji Perkakas dan Peralatan  
bagi Makmal Sains, Sekolah Arab  
Sultan Haji Hassanal Bolkiah,  
Rimba, Jabatan Pengajian Islam,  
Kementerian Hal Ehwal Ugama,  
Tahun 1446H-1447H /  
2024M-2025M

**Bayaran Yuran Tawaran:**  
BND10.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Rabu,  
19 Rabiulakhir 1446H / 23  
Oktober 2024M,  
tidak lewat  
jam 2.00  
Petang



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN**

Pusat Pembangunan Belia  
Kementerian Kebudayaan,  
Belia Dan Sukan  
Negara Brunei Darussalam  
Kenyataan Sebut Harga

**Bilangan Sebut Harga :**  
10 / 2024 / KKBS / PPB / 07

**Tajuk Sebut Harga:**

Kontrak Penggal 12 Bulan bagi  
Pembekalan dan Penghantaran  
Bahan-Bahan Latihan Praktikal  
bagi Kursus Kemahiran Seni  
Kulinari dan Bankuet di Pusat  
Pembangunan Belia,  
Kementerian Kebudayaan,  
Belia Dan Sukan,  
Jalan Utama Tanah Jambu,  
Negara Brunei Darussalam.

**Bilangan Sebut Harga :**  
10 / 2024 / KKBS / PPB / 08

**Tajuk Sebut Harga:**

Kontrak Penggal 12 Bulan bagi  
Pembekalan dan Penghantaran  
Bahan-Bahan Latihan Praktikal  
bagi Kursus Kemahiran Pastri  
dan Konfeksionari di Pusat  
Pembangunan Belia,



**JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN**

Dibuka Kepada  
Pemborong-Pemborong  
Yang Berdaftar Di Dalam

**Kelas :**  
III & VI sahaja

**Kategori :**  
KA01

**Tarikh Mengambil  
Dokumen Tawaran :**  
25 September 2024

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran :**  
Selasa,  
15 Oktober 2024,  
Jam 3.00 Petang.

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa,  
22 Oktober 2024,  
Tidak lewat  
jam 2.00 Petang.

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DOR / SRM 21 / 2024

**Nama Projek:**  
Membalik Dan Mnurap Semula  
Jalan-Jalan Aspal (Lebuhraya /  
Jalan Utama / Jalan Kampung /  
Jalan Simpang / Perumahan  
Negara / Pejabat Kerajaan /  
Komersial) Paket 3: Pejabat  
Kerajaan Dan Komersial  
(Daerah Brunei Muara &  
Temburong)

**Yuran Tawaran :**  
BND50.00  
(Tidak dikembalikan)



Kementerian Kebudayaan,  
Belia Dan Sukan,  
Jalan Utama Tanah Jambu,  
Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**  
Khamis,  
17 Oktober 2024,  
jam 2.00  
Petang.



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**MOE / LTK / 51 / 2024 / 2025  
(DE-JULAI-2024)**  
Digital Assessment for Student  
Learning Survey,  
Ministry of Education,  
Negara Brunei Darussalam

**Bayaran Yuran Tawaran :**  
BND30.00 (Yuran Tawaran) dan  
BND5.00 (Yuran E-Dokumen)  
[Bayaran Yuran Tawaran dan  
Yuran E-Dokumen Tidak  
Dikembalikan]

**Tarikh Mengambil  
Dokumen Tawaran:**  
1 Oktober 2024 hingga 22  
Oktobre 2024  
8.00 Pagi – 11.45 Pagi  
1.45 Petang – 3.00 Petang

**Tarikh Tutup Menghantar  
Dokumen Tawaran:**  
Selasa,  
29 Oktober 2024  
[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]



**Jabatan  
Pertubuhan-Pertubuhan  
Antarabangsa Kementerian Hal  
Ehwal Luar Negeri**  
Iklan Jawatan Kosong  
Jawatan Kosong di Sekretariat  
Komanwel,  
London, United Kingdom  
**Jawatan :**  
Adviser and Head – Ocean Trade,  
Oceans and Natural Resources  
Directorate


**Kekosongan :**  
1

**Tarikh Tutup :**  
8 Oktober 2024

Untuk makluman, maklumat  
lanjut mengenai jawatan  
tersebut termasuk permohonan  
boleh didapati melalui laman  
sesawang :  
<http://thecommonwealth.org/jobs>



## PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (soft copy)  
hendaklah dihantar dan diterima oleh  
Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK  
kurang dari empat (4) minggu dan  
Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari  
dua (2) minggu sebelum tarikh iklan  
dicadangkan untuk diterbitkan.**

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah  
dibaca menggunakan **Microsoft Word**  
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang  
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar  
menggunakan **BAHASA MELAYU  
SAHAJA.**



- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah  
dihantar melalui :

E-MEL :

**iklan.pb@information.gov.bn**

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGKU :

+673 2383400  
**sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA  
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGKU  
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.  
RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.  
IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

# DBP ANJUR WACANA SENI TEATER

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad  
Foto : Alishahrin Haji Mumin



**BERAKAS**, Rabu, 2 Oktober. - Wacana Seni Teater membentangkan mengenai pengisian diskusi termasuk proses kreatif : inspirasi idea / motif, penerangan mengenai naskhah yang akan dipentaskan, konsep / motif naskhah moden / tradisional / fusion dan proses penciptaan daripada skrip ke pentas serta idea penciptaan yang menyentuh tentang inspirasi, dorongan / sokongan / cambah fikir dan sebagainya.

Acara yang berlangsung di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) hari ini juga membahaskan mengenai Pendekatan Produksi : Konsep dan

Teknik iaitu konsep dan teknik menarik dalam pementasan selain rangkaian konsep yang boleh mencambah interaksi antara ahli pentas dan khalayak dan juga pendekatan secara keseluruhan.

Sementara Lanskap Penggiat Teater Muda di negara masing-masing pula menerangkan mengenai suasana penulisan naskhah drama pentas dan seni persembahan teater di negara masing-masing. Cabaran penggiat teater muda daripada sokongan pemerintah / persatuan / swasta/ orang ramai selain penerimaan atau sambutan daripada khalayak.

Sesi diskusi juga



AHLI-ahli panel semasa sesi perbincangan yang berlangsung di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka.

membincangkan mengenai harapan untuk penerusan Apresiasi Teater Mastera termasuk cadangan dan saranan ke arah meningkatkan mutu prestasi pada masa akan datang.

Ahli-ahli panel terdiri daripada Aris bin Othman dari Malaysia; Aidli Mohamed Salleh, Mosbit dari

Singapura; Syahirah Azra Shah dari Indonesia dan Awang Shafiee bin Mostar dari Negara Brunei Darussalam serta moderator pula ialah Awangku Mohd. Noor Sham @ Awangku Hidie bin Pengiran Hidup.

Wacana Seni Teater merupakan diskusi antara penggiat teater

mengenai teknik persembahan / perkembangan teater, setiap kumpulan / persatuan teater dari negara Anggota Mastera, perlu mempunyai seorang wakil selaku ahli panel dalam Wacana Seni tersebut, yang akan berdiskusi mengenai kepakaran atau pengalaman mereka dalam teater.

## Burung Likap Gagak / Asian Black Hornbill

**Nama Binatang :**  
Burung Likap Gagak / Asian Black

**Nama Tempatan :**  
Burung Durian / Alau Babi / Likap Gagak/ Rengak

**Nama Saintifik :** Anthracoceros malayanus

**Order :** Bucerotiformers

**Kelas Spesies :** Birds

**IUCN :** Vulnerable / Terdedah kepada kepupusan

**CITES :** Appendix 2



Maklumat disediakan oleh : Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

**E** DISI kapsul menarik 'Kenali Hidupan Liar Kitani' untuk bulan ini, kita akan menjelajahi dunia menarik spesies burung tempatan *kitani*, iaitu Burung Likap Gagak atau Asian Black Hornbill.

Burung Likap Gagak adalah burung besar berbulu hitam dengan ketinggian sekitar 75 sentimeter - 80 sentimeter dan berat sekitar 1.5 kilogram - 2 kilogram. Paruh burung dewasa boleh mencapai sehingga 20 sentimeter. Daripada segi penampilan, burung jantan dewasa kebanyakannya berwarna hitam dengan jalur putih hingga kelabu lebar di atas mata hingga tenguk, ekor panjang dengan hujung putih lebar, serta paruh dan kasak berwarna kuning pucat. Ketika terbang, burung ini kelihatan hitam sepenuhnya dengan sedikit tampilan putih berhampiran hujung ekor. Sebaliknya, burung betina dewasa mempunyai paruh dan kasak yang kehitaman serta kulit orbital yang berwarna merah jambu. Burung ini adalah

monogami dan sering dilihat berpasangan atau dalam kawanan kecil. Burung ini sering disalah anggap sebagai Burung Enggang Berkaki Putih yang kelihatan serupa. Namun, tidak seperti Burung Enggang Berkaki Putih, burung ini memakan buah-buahan berlemak dan jarang memakan buah ara, untuk persaingan.

Burung ini diketahui memakan durian, oleh itu ia dikenali dengan tempatan Burung Durian. Mereka juga tidak menolak daripada memakan serangga dan mamalia kecil. Oleh itu, peranan Burung Likap Gagak dalam ekosistem sangat penting sebagai penyebar biji benih dan membantu mengawal pembiakan rodent.

Ancaman-ancaman terhadap Burung Likap Gagak adalah sangat ketara. Spesies ini memerlukan habitat yang sangat khusus di hutan tanah rendah dan sangat selektif dalam pembiakan. Mereka memerlukan ketersediaan pokok-pokok hutan hijau yang tinggi dengan buah-buah yang besar. Mereka juga diburu untuk pelbagai tujuan, seperti trofi, perhiasan, ubat-ubatan tradisional, dan juga sebagai haiwan pameran atau peliharaan.

Burung Likap Gagak telah pun disenaraikan dalam Akta Perlindungan Hidupan Liar Brunei, di mana jika seseorang itu tertangkap mencederakan, membunuh, atau cubaan menangkapnya, mereka akan berhadapan dengan tindakan undang-undang. Burung Likap Gagak kini disenaraikan sebagai *vulnerable* dalam Senarai Buku Merah Kesatuan Antarabangsa untuk Konservasi Alam Semula Jadi (IUCN) dan termasuk dalam Apendediks 2 Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesies Terancam (CITES). Walaupun spesies ini belum berada di ambang kepupusan, perdagangan burung ini hendaklah dipantau dan dikawal.

Burung Likap Gagak juga mudah terdedah kepada jendela berpantulan, sering kali anggap pantulan dirinya tersalah sebagai

burung lain atau jalan laluan. Oleh itu, mereka sering berlanggar dengan jendela rumah. Ini boleh dicegah dengan meletakkan pelekat atau decal, menutup tabir, atau menggunakan kaca buram untuk memastikan tingkap anda selamat daripada burung.

Semoga kita semua dapat memahami dan menghargai keunikan serta kepentingan spesies hidupan liar seperti Burung Likap Gagak ini dalam ekosistem kita.

Sila ikuti setiap keluaran bulanan Kenali Hidupan Liar Kitani dan bagi melihat foto-foto spesies hidupan liar *kitani* yang telah dipaparkan dan maklumat lanjut berkaitan spesies tersebut, sila layari dan ikuti akaun Instagram Jabatan Perhutanan : [forestry.brunei](#). Lindungi hidupan liar *kitani* untuk memulihara hutan *kitani*.

Sumber Foto :  
Asmali bin Asli,  
BWPC 2022, JPH

# 5 PELAJAR TERPILIH BAGI PENGALAMAN KERJA ICT



Siaran Akhbar dan Foto : Pihak Berkua Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam



KETUA Eksekutif AITI, Awang Haji Jailani bin Haji Buntar juga selaku Ketua Bersama bagi Kumpulan Kerja Jawatankuasa Pemandu Tenaga Manusia bagi Sektor ICT (MISC-WG ICT) hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan (kiri dan kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 2 Oktober. - Pihak Berkua Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) dan Akademi Mindtrex Sendirian Berhad hari ini mengadakan Pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) dan Perjanjian Kerjasama (CA) bagi Program Perantisan Digital TechXPLORE serta sebagai penyampaian anugerah untuk Kohort 1 TechXPLORE.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Ketua Eksekutif AITI, Awang Haji Jailani bin Haji Buntar juga selaku Ketua Bersama bagi Kumpulan Kerja Jawatankuasa Pemandu Tenaga Manusia bagi Sektor ICT (MISC-WG ICT).

Program Perantisan Digital TechXPLORE merupakan sebuah inisiatif AITI, bertujuan untuk menyediakan peluang bagi mengalami persekitaran kerja ICT

sebenar di luar negara untuk graduan tempatan sekali gus meningkatkan kebolehpasaran mereka dan menjadi *industry-ready*.

Pertukaran MoU dan CA telah diwakili oleh Penolong Ketua Eksekutif Kumpulan Pembangunan Industri AITI, Dayang Siti Zaraura binti Haji Mohammad dan Pengarah Urusan Mindtrex Academy, Pengiran Mohammad Khairi bin Pengiran Haji Metussin serta disaksikan oleh tetamu kehormat.

Majlis seterusnya disusuli dengan penyampaian anugerah kepada kohort pertama Program Perantisan Digital TechXPLORE oleh tetamu kehormat. Seramai lima graduan tempatan telah dipilih sebagai kohort sulung TechXPLORE, berdasarkan potensi mereka yang cemerlang dalam bidang ICT masing-masing.

Mereka adalah Awang Mohamad Adib bin Maimon iaitu graduan Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Pengkomputeran, Jurusan Pembangunan Perisian; Dayang Nurliyana Khairunisa binti Zuliskandar, graduan Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Sains Komputer dan Awang Md. Danial Hakim bin Haji Abdul Wahab, graduan Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Pembangunan Permainan Komputer.

Seterusnya, Awang Muhammad Wafiy Syahmi bin Shamsuddin iaitu graduan Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Pengkomputeran, pengkhususan dalam Pembangunan Perisian dan Dayang Nurulhuda Asilah binti Haji Asli merupakan graduan Doktor Falsafah (PhD) dalam Teknologi Media dan Komunikasi Islam.

Kohort pertama bermula dengan Sesi Onboarding pada September

2024 dan akan berlepas untuk penempatan selama enam bulan di Bandung, Indonesia, pada 27 Oktober 2024.

Semasa perantisan ini, mereka akan bekerja di bawah penyeliaan dan bimbingan pakar industri, melibatkan diri dalam praktikal, projek *hands-on* yang berkaitan dengan peranan pekerjaan mereka.

Akademi Mindtrex telah membangunkan tajuk pekerjaan yang disesuaikan, huriahan peranan terperinci dan kecekapan teknikal yang ditentukan untuk kohort pertama TechXPLORE berdasarkan Rangka Kerja Kompetensi Industri ICT Brunei (BIICF).

Rangka kerja ini memastikan program ini seajar dengan piawaian dan amalan industri semasa, membolehkan peserta memperoleh kemahiran dan

pengalaman yang relevan untuk memenuhi permintaan pasaran.

Dalam menyokong Wawasan Brunei 2035, AITI berhasrat untuk melengkapkan belia tempatan dengan kemahiran, pengetahuan, dan pendedahan global yang diperlukan untuk landskap digital dengan melabur dalam graduan ICT tempatan melalui TechXPLORE, yang akan menyediakan pengalaman teknikal, kemahiran insaniah dan dunia sebenar, menyediakan peserta untuk menyumbang kepada Sektor ICT Brunei dan pertumbuhan masa depan.

TechXPLORE Kohort 2 akan dibuka pada tahun 2025. Organisasi tempatan dengan pejabat antarabangsa dialu-alukan untuk bekerjasama dengan AITI sebagai Rakan Kongsi Program untuk TechXPLORE.

## Peluang pelajari, dalam Kitab Turath secara bertalaqqi



KOLEJ Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melalui Pusat Pengajian Jawi dan Kitab Turath hari ini mengadakan Majlis Penyampaian Sijil Program Talaggi Kitab Turath bagi orang awam Kali Ke-6 bagi Sesi 2023 / 2024, bertempat di Dewan Tarbiah, KUPU SB.

Siaran Akhbar dan Foto :  
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 2 Oktober. – Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melalui Pusat Pengajian Jawi dan Kitab Turath

hari ini mengadakan Majlis Penyampaian Sijil Program Talaggi Kitab Turath bagi orang awam Kali Ke-6 bagi Sesi 2023 / 2024, bertempat di Dewan Tarbiah,

KUPU SB.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Penolong Ra'es (Hal Ehwal Akademik), KUPU SB, Dr. Hajah Norwati binti Haji Abu Bakar, dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil kepada 18 peserta.

Program berjalan selama lapan minggu bermula 16 Ogos 2023 hingga 6 April 2024.

Antara objektif Program Talaqqi Kitab Turath berkenaan diadakan adalah untuk memberi peluang kepada masyarakat awam mempelajari dan mendalami Jawi

Turath secara bertalaqqi, di samping meningkatkan kualiti dan pengetahuan para peserta dalam mencari juga menemukan pelbagai macam tulisan Jawi dan Kitab Turath sebagai khazanah keilmuan Islam.

# WI anjur Majlis Sambutan Maulidur Rasul

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Alishahrin Haji Mumin

**TUTONG**, Jumaat, 4 Oktober. - Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) Brunei Darussalam mengadakan Majlis Sambutan Maulidur Rasul 2024 dengan tema 'Memelihara Akal Berpandukan Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, yang berlangsung petang tadi di Ibu Pejabat WI, Jalan Bukit Bendera, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Penasihat WI, Datin Hajah Masni binti Haji Mohammad Ali.

Antara yang hadir, Pemangku Yang Di-Pertua WI, Dayang Hajah Shamsiah binti Abd. Latif, selaku Pengurus Majlis, dan ahli-ahli WI.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan Sayyidul Istighfar diketuai oleh Dayang Hajah Latipah binti Haji Sahari.

Majlis juga turut diserikan dengan ceramah bertajuk

'Pendekatan Dalam Menangani Gejala Mental Secara Saintifik dan Didampingi Juga Dengan Pendekatan Rohani' yang disampaikan oleh penceramah undangan, Pemangku Pegawai Ugama Kanan, Pusat Da'wah Islamiah, Dayang Hajah Zunainah binti Haji Gunong.

Selepas itu, majlis diteruskan dengan persembahan Dikir Asyarakal daripada ahli-ahli WI.

Majlis yang diadakan berkenaan bertujuan bagi memperingati kelahiran Junjungan Besar kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Dalam pada itu, WI Brunei Darussalam memainkan peranan penting dalam sosial dan pembangunan ekonomi kaum wanita di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang bermatlamat untuk meningkatkan status kaum wanita dan keluarga di NBD.



SUASANA Majlis Sambutan Maulidur Rasul 2024 yang diadakan oleh Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) Brunei Darussalam (atas dan bawah).



جاین کاچی چوچا بروني دارالسلام

BDMD


Brunei Darussalam Meteorological Department

ELAKKAN MENEKAN BREK JIKA KENDERAAN AWDA TERBABA

Biarkan kenderaan awda meluncur dan gunakan stereng untuk menghalakan kenderaan awda ke tempat yang selamat

## PRODUK KESIHATAN DICEMARI BAHAN TERLARANG

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan



**UJIAN** Makmal Bahagian Farmasi, Jabatan Perkhidmatan Saintifik, Kementerian Kesihatan telah mendapati bahawa produk kesihatan, Bi Shu Ning dari Guang Zhou Wu Yang Pharmaceutical Co Ltd dicemari dengan Dexamethasone, Betamethasone (atas dan atas kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 3 Oktober. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai supaya tidak menggunakan satu produk kesihatan di mana hasil daripada Ujian Makmal Bahagian Farmasi, Jabatan Perkhidmatan Saintifik, Kementerian Kesihatan telah mendapati bahawa produk tersebut dicemari dengan bahan terlarang / bahan racun berjadual yang tersenarai dalam Akta Racun 1956 yang tidak diisytiharkan.

Produk kesihatan tersebut ialah Bi Shu Ning dari Guang Zhou Wu Yang Pharmaceutical Co Ltd yang dicemari dengan Dexamethasone, Betamethasone. Bahan pencemar dalam produk berkenaan boleh mengakibatkan kesan-kesan mudarat yang membahayakan kesihatan.

Pengambilan kortikosteroid Dexamethasone dan Betamethasone secara berpanjangan tanpa pengawasan boleh menyebabkan peningkatan

pada paras gula dalam darah yang mengakibatkan penyakit kencing manis, tekanan darah tinggi, katarak, penyakit otot dan tulang serta meningkatkan risiko jangkitan yang teruk.

Pengambilan kortikosteroid dalam jangka panjang juga boleh mengakibatkan Cushing's Syndrome di mana ciri-cirinya adalah seperti muka bulat atau moon face serta kegemukan pada bahagian badan yang atas dengan anggota kaki dan tangan yang kecil.

Pengguna-pengguna yang telah mengambil dos steroid yang tinggi dalam tempoh masa yang lama mungkin mengalami gejala yang termasuk keletihan, sakit otot dan sendi, demam, kadar gula dalam darah yang rendah, tekanan darah yang rendah dan dehidrasi.

Kementerian Kesihatan tidak pernah mengeluarkan kebenaran ke atas pengimportan bagi penjualan produk tersebut. Berikut dapatan ini, produk berkenaan adalah dilarang untuk diimpor dan dijual di Negara Brunei Darussalam.

Orang ramai yang telah membeli atau memakan produk tersebut adalah dinasihatkan untuk memberhentikan pengambilannya dengan serta-merta. Jika mereka mengalami kesan sampingan dan merasa tidak sihat selepas memakan produk berkenaan, hendaklah berjumpa doktor dengan segera.



Penjualan produk tersebut (termasuk penjualan secara online seperti melalui Facebook dan sebagainya) adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Racun 1956 dan jika didapati bersalah boleh dikenakan denda sebanyak BND8,000 atau penjara enam bulan.

Tambahan pula, jika seseorang melakukan sesuatu atas kecuaianya sendiri yang membahayakan atau mungkin membahayakan nyawa manusia, jika didapati bersalah, akan didenda sebanyak BND16,000 dan 12 bulan penjara.

Kementerian Kesihatan juga ingin memohon kerjasama

dari orang ramai untuk melaporkan kepada Bahagian Komplians dan Perlesenan jika mendapati produk berkenaan masih dipasarkan di negara ini.

Untuk maklumat dan perhubungan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Bahagian Komplians dan Perlesenan melalui talian telefon +673 2393301 sambungan 208; menghantar e-mel kepada [pharmacy.enforcement@moh.gov.bn](mailto:pharmacy.enforcement@moh.gov.bn); berjumba terus Pegawai Komplians dan Perlesenan di Tingkat 1, Bangunan Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kampung Madaras, Mukim Gadong 'A' atau hubungi Talian Darussalam 123.

# KETAHUI PROGRAM DITAWARKAN DI FAKULTI TEKNOLOGI BERSEPADU



SESI bergambar ramai pada Lawatan Sambil Belajar ke Fakulti Teknologi Bersepadu (Faculty of Intergrated Technologies - FIT), Universiti Brunei Darussalam (atas). Sementara gambar kanan, Pegawai Tugas-tugas Khas Kanan (Profesional), Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Metusin bin Haji Jais menyampaikan cenderamata kepada Dekan Fakulti Teknologi Bersepadu, Penolong Kanan, Profesor Dr. Juliana binti Haji Zaini.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 2 Oktober. - Seramai 50 guru kerjaya yang terdiri daripada sekolah menengah kerajaan, maktab dan Pusat Tingkatan Enam serta para pegawai dari Jabatan Sekolah-Sekolah mengadakan Lawatan Sambil Belajar ke Fakulti Teknologi Bersepadu (Faculty of Intergrated Technologies - FIT), Universiti

Brunei Darussalam. Lawatan berkenaan diketuai oleh Pegawai Tugas-tugas Khas Kanan (Profesional), Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Metusin bin Haji Jais.

Semasa lawatan berkenaan, Dekan Fakulti Teknologi Bersepadu, Penolong Kanan, Profesor Dr. Juliana binti Haji Zaini, menyampaikan ucapan alu-aluan

kepada ahli rombongan.

Diteruskan dengan pembentangan komprehensif daripada Timbalan Dekan Akademik dan Hal Ehwal Pelajar, Profesor Madya Dr. Malik Muhammad Nauman mengenai program-program yang ditawarkan, kriteria kemasukan dan data statistik.

Diikuti dengan sesi soal jawab dan lawatan ke bilik-bilik makmal



■ Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Sekolah-sekolah

serta bilik khas.

Lawatan berkenaan dianjurkan oleh Unit Pendidikan Kerjaya, Jabatan Sekolah-sekolah dengan bermatlamat untuk membantu guru kerjaya lebih memahami program-program yang ditawarkan di FIT, syarat kemasukan dan prospek kerjaya.

Maklumat yang diperolehi akan dapat membantu guru kerjaya memberi khidmat nasihat kepada pelajar mengenai hala tuju pengajian dan kerjaya.

Di akhir lawatan, Awang Haji Metusin menyampaikan cenderamata kepada Profesor Dr. Juliana binti Haji Zaini.

## Peluang peroleh maklumat pengajaran, pembelajaran mata pelajaran Jawi



SEKITAR lawatan dari Institut Pendidikan Nasional (NIE), Universiti Teknologi Nanyang, Singapura ke Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Sekolah Ugama Bokok, Daerah Temburong (atas, atas kanan dan kanan).

**TEMBURONG**, Rabu, 2 Oktober. - Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Sekolah Ugama Bokok, Daerah Temburong, hari ini menerima lawatan dari Institut Pendidikan Nasional (NIE), Universiti Teknologi Nanyang, Singapura.

Rombongan seramai 18 orang itu terdiri daripada empat pensyarah dan 14 mahasiswa diketuai oleh Pensyarah Kanan, Institut Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Nanyang, Singapura, Dr. Sa'eda Buang.

Antara tujuan lawatan

berkenaan adalah untuk mendapatkan maklumat berkaitan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Jawi di sekolah-sekolah ugama serta membuat lawatan pengajaran di sekolah-sekolah ugama untuk dijadikan panduan dan penanda aras bagi pihak rombongan dalam usaha menyebarluaskan kemahiran penggunaan Jawi di Singapura.

Menyedari akan pentingnya kemahiran tulisan Jawi sebagai asas dalam membantu pembelajaran Al-Quran dan kehidupan seorang Islam di negara.

ini, asas pengetahuan tulisan Jawi telah diperkenalkan dalam kurikulum persekolahan ugama dengan harapan murid-murid mempunyai kemahiran Jawi bagi mempermudah mengikuti pembelajaran Al-Quran.

Turut hadir mengiringi rombongan berkenaan ialah para pegawai kanan dari Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Rombongan juga berkesempatan melawat Sekolah Ugama Beribi, Gadong pada sebelah pagi bagi tujuan yang sama.

■ Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama



# AFSA SUMBANGKAN PERALATAN MENANGKAP IKAN



## Mempromosikan kerjasama, rangkaian pertukaran masa hadapan



KURSUS latihan serantau : 'Enhancing Reporting Skills for Journalists in ASEAN Region on Child Safety Online' diadakan pada 3 Oktober lalu di Hanoi, Viet Nam.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Ihsan Voice of Viet Nam

**HANOI, VIET NAM**, Jumaat, 4 Oktober. - Menyedari peranan penting media dan kewartawan dalam meningkatkan kesedaran seluruh masyarakat, serta penglibatan pihak berkepentingan mengenai Keselamatan Kanak-kanak Dalam Talian, Voice of Viet Nam (VOV) memulakan projek Kursus latihan serantau : 'Enhancing Reporting Skills for Journalists in ASEAN Region on Child Safety Online'.

Kursus latihan selama tiga hari bermula 3 Oktober lalu yang mengambil tempat di Hanoi, Viet Nam, disertai oleh lebih 30 peserta daripada 10 negara ASEAN.

Sementara itu, Naib Presiden VOV, Ngo Minh Hien dalam ucapannya menjelaskan, kanak-kanak kini lebih banyak meluangkan masa secara dalam talian berbanding dahulu.

Menurutnya, ia turut menawarkan banyak peluang tanpa had namun peluang berkenaan juga didatangi dengan risiko dan bahaya yang serius serta boleh menjaskan perkembangan mental dan fizikal mereka secara

negatif.

"Fokus utama kursus ini adalah untuk menghasilkan Community Service Announcements yang paling berkesan yang boleh memacu tingkah laku sosial yang positif, menyumbang secara berkesan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai isu tersebut," ujarnya.

Beliau menambah, VOV merupakan organisasi multimedia nasional terkemuka di Viet Nam, beroperasi secara aktif dalam semua jenis platform media, terdiri daripada lapan saluran radio, 16 saluran televisyen, dua akbar dalam talian, satu akbar cetak dan dua aplikasi mudah alih.

Tambahnya, VOV sentiasa berusaha untuk melaksanakan tanggungjawabnya dengan berkesan dalam memberi maklumat dan mendidik orang ramai bagi memacu perubahan sosial yang positif.

Kursus latihan berkenaan dihasrat akan dapat menekankan lagi konsep utama dalam keselamatan kanak-kanak dalam talian serta mempromosikan kerjasama dan rangkaian bagi pertukaran di masa hadapan.

Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Aftercare Support Association

**PENYAMPAIAN** sumbangan disempurnakan oleh Yang Dipertua Persatuan Aftercare Support Association (AFSA) dan Ahli Jawatankuasa Tadbir AFSA, Dayang Hajah Juhana binti Haji Mohd. Jaya kepada penerima.

Penyampaian sumbangan disempurnakan oleh Yang Dipertua AFSA dan Ahli Jawatankuasa Tadbir AFSA, Dayang Hajah Juhana binti Haji Mohd. Jaya.

Menurut pendekatan Timbalan Yang Dipertua AFSA, Awang Haji Mustapa bin Haji Masri, bersama Rakan Seliaan berkenaan, beliau berasa bersyukur dan terharu di atas sokongan dan komitmen pihak AFSA bagi menyantuni orang-orang seperti mereka ini.

Beliau juga berjanji akan terus berusaha dengan bersungguh-sungguh bagi mengubah kehidupannya dan keluarganya ke arah yang lebih baik dan harmonis.

Di samping itu juga, Awang Haji Mustapa juga menyeru kepada Persatuan-persatuan, NGO'S, dan pihak berkepentingan agar sama-sama tampil memberikan sokongan dan bantuan kepada golongan seperti ini agar mereka dapat membina kehidupan yang lebih baik dalam komuniti mereka masing-masing.

**TUNGKU**, Khamis, 3 Oktober. - Persatuan Aftercare Support Association (AFSA) hari ini menyampaikan Peralatan Menangkap Ikan kepada Rakan Seliaan (RS) Awang Osmandi bin Raduan di Kampung Tungku petang tadi.

Antara tujuan utama bantuan tersebut diberikan adalah untuk memberikan semangat dan sokongan kepada beliau untuk terus gigih dan berusaha dalam bidang kerjaya yang diminatinya.

Selain itu menerusi bantuan berkenaan juga akan dapat memotivasi beliau untuk tidak terlibat dengan perkara-perkara yang negatif dan tidak berfaedah.

## Program kitar semula, 5 Oktober

Siaran Akhbar : Green Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 3 Oktober. - Green Brunei menjemput orang ramai untuk membawa barang kitar semula mereka ke program kitar semula pada Sabtu, 5 Oktober 2024 bertempat di Stadium Negara Hassanal Bolkiah bermula pukul 8.30 pagi hingga 1.30 petang.

Program tersebut bertujuan untuk menggalakkan orang ramai mengamalkan kitar semula dan mengurangkan jumlah sisa pepejal di tapak pelupusan.

Barangan yang diterima termasuk kertas, buku, botol plastik, aluminium, surat khabar, kotak kadbur, logam (dicuci dan dikosongkan) dan sisa elektronik (sisa komputer, monitor, pencetak, komputer riba dan lain-lain).

Program kutipan ini tidak menerima beg plastik, pembalut plastik, bekas plastik, kaca, styrofoam dan kertas berkilat.

Sejak penubuhannya pada tahun 2014, Green Brunei telah mengumpul sebanyak 213,687 kilogram barangan kitar semula.

Orang ramai boleh melayari Instagram Green Brunei di @greenbrunei atau menghubungi +673 824 2229 untuk maklumat dan pertanyaan lanjut.

### TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Teladani Sunnah Rasulullah Dalam Kehidupan Seharian'. Tarikh Tutup : 9 Oktober 2024
- 'Menjaga Keamanan Serantau'. Tarikh Tutup : 16 Oktober 2024
- 'Meliindungi Kesejahteraan, Kebajikan Warga Emas'. Tarikh Tutup : 23 Oktober 2024

### TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

### SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

Menangi  
**BND75**  
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

## TERAPKAN PENDIDIKAN INOVATIF SEJAJAR KEPERLUAN SEMASA

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Ak. Md. Hasnal ali Saodiqen Pg. Haji Abu Bakar



**YANG** Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin.

Darussalam sempena Sambutan Hari Guru Ke-34 Tahun 2024 di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, rata-rata melahirkan rasa syukur dan menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia atas pengurniaan yang diberikan kepada mereka.

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin yang dianugerahkan Anugerah Guru Berjasa mengongsikan bahawa beliau mula berkhidmat sebagai seorang pendidik pada tahun 1972.

Pada zaman tersebut, kita jelasnya berusaha menyediakan keperluan-keperluan buku, malah menyediakan sebanyak ilmu untuk disampaikan kepada pelajar selain beliau berdoa apa yang disampaikan itu diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Bukan itu sahaja, Yang Dimuliakan Pehin seterusnya menasihatkan para guru dan bakal guru di negara ini untuk mempersiapkan diri mereka kerana kerjaya seorang guru itu adalah tugas yang mulia.

"Tanpa guru, kita tidak akan melihat orang-orang yang akan mengendalikan negara ini dengan



**DAYANG** Hajah Nurehsan binti Haji Rosman.

cemerlang. Jasa guru mestilah dikenang seumur hidup.

"Bila menjadi guru, apa subjek yang diajarkan, seberapa boleh menyediakan ilmu yang banyak untuk disampaikan kepada anak didik mereka," ujar Yang Dimuliakan Pehin lagi.

Sementara itu, seorang lagi penerima Anugerah Guru Berjasa, Pengiran Haji Mahmud bin Pengiran Damit menceritakan bahawa beliau mula mengajar sebagai guru pelatih pada tahun 1959.

Sepanjang berkhidmat, beliau pernah mengajar di sekolah menengah, rendah, pusat tingkatan enam, maktab perguruan sehingga ke universiti.



**DAYANG** Hajah Noorhayati binti Awang Haji Mohd. Noor.



**PENGIRAN** Haji Mahmud bin Pengiran Damit.

Pengiran Haji Mahmud seterusnya mengingatkan kepada para guru dan mereka yang bercita-cita untuk menjadi seorang pendidik, untuk menjadi seorang guru itu perlu berdedikasi dan tidak hanya meminta pujian atau imbalan bahkan sentiasa jujur kerana Allah Subhanahu Wata'ala.

Pensyarah Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Profesor Dr. Nehalauddin Ahmad yang mengajar dalam bidang Undang-Undang melahirkan rasa syukur dan tidak menyangka kerana dipilih oleh Kerajaan Kebawah DYMM untuk menerima Anugerah Guru Cemerlang.

Katanya, ini adalah satu detik bersejarah dalam kehidupan beliau apakah lagi ianya merupakan anugerah pertama beliau sepanjang berkhidmat dengan kerajaan baginda.

Dengan adanya anugerah ini memberikan beliau semangat dan



**PENSYARAH** Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Profesor Dr. Nehalauddin Ahmad.

motivasi diri termasuk kepada guru-guru atau tenaga pengajar tempatan mahupun dari luar negara yang berkhidmat di negara ini.

Begitu juga dengan Dayang Hajah Noorhayati binti Awang Haji Mohd. Noor dari Sekolah Ugama Arab Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha yang menerima anugerah yang sama telah pun berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah DYMM selama 22 tahun.

Menurut Dayang Hajah Noorhayati, beliau bukan hanya mengajar dalam mata pelajaran Bahasa Arab tetapi juga dalam mata pelajaran lain seperti Al-Quran, Tafsir Hadith dan Balaghah.

Sepanjang berkhidmat, beliau turut menghadapi pelbagai cabaran termasuk mengajar para pelajarnya dalam mata pelajaran Bahasa Arab namun semuanya dapat diatasi dengan usaha beliau sendiri dengan cara mengaplikasikan pengajaran dengan cara belajar sambil melakukan aktiviti seperti senam ringan dan menyanyi dengan mengaitkan tajuk mata pelajaran Bahasa Arab.

Dalam pada itu, Dayang Hajah Noorhayati juga bersetuju dan menyahut titah baginda hari ini dengan mengadaptasi pengajaran untuk lebih berinovatif.

Dengan adanya pengajaran secara kreatif itu katanya, secara langsung akan membolehkan kita melakukan aktiviti dengan lebih inovatif dan dalam masa yang sama menerapkan AI atau kecerdasan buatan untuk diaplikasi dalam pengajaran pada masa akan datang.

Salah seorang penerima Anugerah Penghargaan Hari Guru, Dayang Hajah Nurehsan binti Haji Rosman yang berkhidmat sebagai seorang guru selama 22 tahun pula menyatakan Brunei Darussalam banyak mengalami perubahan dan berkembang maju dari segi pendidikan di mana gadget dan penggunaan teknologi dititikberatkan dalam pengajaran.

Berikut dengan Cuti Ihsan yang diperkenankan oleh Kebawah DYMM kepada semua guru-guru dalam titah baginda hari ini, Dayang Hajah Nurehsan turut melahirkan rasa syukur dan menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah DYMM atas pemelulian baginda terhadap kesejahteraan para guru di negara ini.

**BERAKAS**, Khamis, 3 Oktober. - Anugerah adalah sebagai dorongan dan semangat untuk terus berkhidmat dalam Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sama ada dalam sektor kerajaan ataupun sektor swasta.

Justeru itu, penerima-penerima Anugerah Guru Berjasa, Guru Cemerlang, Penghargaan Hari Guru yang dianugerahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

# IHP Ogos 2024 catat penurunan

**Siaran Akbar dan Infografik :**  
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 2 Oktober.- Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi bulan Ogos 2024 untuk Negara Brunei Darussalam menunjukkan penurunan sebanyak 0.5 peratus berbanding bulan Ogos 2023.

Ini adalah didorong oleh penurunan bagi Indeks Bukan Makanan sebanyak 0.6 peratus, manakala Indeks Makanan dan Minuman Ringan meningkat sebanyak 0.1 peratus.

Penurunan bagi Indeks Bukan Makanan adalah terutamanya disebabkan oleh harga-harga Perhubungan (2.8 peratus), berikutan penurunan bagi harga caj perkhidmatan internet; dan Pakaian dan Kasut (3.2 peratus).


Sementara itu, peningkatan bagi Indeks Makanan dan Minuman Ringan adalah didorong oleh kenaikan harga Minuman Ringan (2.9 peratus), khususnya minuman yang sedia untuk diminum; dan harga Susu, Produk Tenua dan Telur (1.5 peratus).

Bagi perbandingan bulan-ke-bulan, IHP Ogos 2024 meningkat sebanyak 0.3 peratus daripada Julai 2024, berikutan peningkatan bagi Indeks Bukan Makanan sebanyak 0.4 peratus. Manakala, Indeks Makanan dan Minuman Ringan menunjukkan penurunan sebanyak 0.3 peratus.

Peningkatan bagi Indeks Bukan Makanan adalah terutamanya disumbangkan oleh harga pengangkutan (1.6 peratus); dan pakaian serta kasut (2.6 peratus). Manakala penurunan bagi Indeks Makanan dan Minuman Ringan adalah terutamanya disumbangkan oleh daging (0.7 peratus); dan buah-buahan (1.1 peratus).

IHP mengukur perubahan harga bakul barang dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan.

Senarai barang dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperoleh melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga. Laporan penuh IHP bagi bulan Ogos 2024 boleh didapati di laman sesawang Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik melalui <https://deps.mofe.gov.bn>.





## Kod Pemasaran Makanan & Minuman Yang Berhemah Kepada Kanak-kanak di Negara Brunei Darussalam

PANDUAN UNTUK MELINDUNGI KANAK-KANAK DARIPADA PEMASARAN MAKANAN YANG TIDAK BERHEMAM

Kod ini digunakan bagi mana-mana pemasaran makanan dan minuman yang ditujukan kepada kanak-kanak dalam apa jua bentuk yang digunakan di Negara Brunei Darussalam termasuk, tetapi tidak terhad kepada:



Proses permohonan adalah seperti berikut:

1 Muat turun borang permohonan di [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn)

Atau imbas kod QR:



2 Sila emel permohonan awda ke: [hpc@moh.gov.bn](mailto:hpc@moh.gov.bn)

3 Awda akan menerima keputusan pemohonan dalam tempoh 5 hari bekerja selepas tarikh permohonan awda.

"Bersama kita melindungi kanak-kanak dari pemasaran makanan yang tidak berhemah"

Health Promotion Centre

hpcbrunei

TD123

## Kuasa 'desakan' kanak-kanak mendorong permulaan risiko obesiti kalangan mereka

Oleh : Dr. Hajah Norol-Ehsan Haji Abd. Hamid, Pegawai Perubatan Kanan dengan kerjasama Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei  
Foto : Pusat Promosi Kesihatan

**PENGARUH** iklan / pemasaran di kalangan kanak-kanak di mana-mana platform merupakan pengaruh terbesar dalam pemasaran makanan dan minuman. Ini termasuk iklan-iklan komersial di radio, surat khabar, media sosial, di kenderaan / pengangkutan *delivery*, di luar dan di dalam kawasan sekolah dan sebagainya. Iklan / pemasaran tersebut boleh merangsang tingkah laku makan yang tidak sihat melalui kuasa 'desakan' kanak-kanak yang mendorong ibu bapa mereka untuk membelinya dengan alasan mencurahkan kasih sayang.

Ini sangat merisaukan kerana jika ia tidak dibendung dari awal, trend obesiti akan terus meningkat dan kanak-kanak yang obes akan membesar menjadi individu dewasa yang

obes dengan masalah kesihatan termasuk penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti kencing manis, penyakit jantung, kanser dan sebagainya. Ini boleh menjelaskan ekonomi negara kerana meningkatnya kos perbelanjaan rawatan negara dan juga menurunkan kadar produktiviti negara kerana meningkat jumlah pesakit-pesakit yang cuti sakit kerana dirawat.

Berdasarkan kaji selidik mengenai Amalan Pengiklanan dan Pemasaran Makanan dan Minuman Kepada Kanak-kanak yang telah dikendalikan pada bulan Disember 2020, lebih daripada 90 peratus ibu bapa dan penjaga dan wakil industri makanan dan minuman serta agensi pengiklanan dan pemasaran berpendapat bahawa pemasaran makanan dan minuman yang

tidak berhemah kepada kanak-kanak boleh menyumbang kepada kenaikan kadar obesiti di kalangan kanak-kanak; serta mengakui industri-industri berkenaan mempunyai peranan penting dalam mengawal pendedahan dan kuasa atau pengaruh pengiklanan dan pemasaran makanan dan minuman yang tidak sihat kepada kanak-kanak di negara ini. Oleh itu, sejajar dengan saranan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), dan Convention on the Rights of the Child (UNICEF) sebuah dasar, Kod Pemasaran Makanan dan Minuman Yang Berhemah Kepada Kanak-kanak di Negara Brunei Darussalam 2021 telah dilancarkan pada awal tahun 2021 dan seterusnya dilaksanakan di pelbagai platform sejak tahun 2022.

Pematuhan pada kod tersebut pada masa ini dibuat secara sukarela (*voluntary*), namun Kementerian Kesihatan sangat

menggalakkan pihak-pihak yang berkepentingan serta vendor yang relevan untuk mematuhi dan mempraktikkan kod berkenaan demi menguahkan persekitaran makanan yang kondusif, sihat dan selamat terutama sekali bagi asset negara masa depan, kanak-kanak dan remaja negara ini. Selain itu, adalah juga diharapkan kepada orang ramai termasuk ibu bapa agar menghubungi Talian Darussalam 123 jika mendapati mana-mana iklan / pemasaran makanan dan minuman yang tidak berhemah.

Kementerian Kesihatan berharap dari semasa ke semasa agar orang ramai terus berganding bahu sama-sama menggerak dan memandu rakyat dan penduduk di negara ini untuk mengamalkan gaya hidup yang sihat dan seimbang bagi mendukung visinya 'Bersama Ke Arah Warga Sihat'.



## Sentiasa berbuat baik kepada warga emas

Oleh : Norliah Md. Zain  
Foto : Jabatan Penerangan

**B**ERBUAT baik kepada orang yang lebih dewasa apatah lagi warga emas merupakan satu amalan mulia dan terpuji dalam masyarakat. Ia bukan sahaja ditutut dalam agama malahan juga patut dikekalkan dalam hidup bermasyarakat agar warga emas tidak disisihkan sampai bila-bila.

Warga emas merupakan aset yang sungguh bernilai kepada negara kerana golongan ini memiliki ilmu, pengetahuan dan kepakaran yang berharga. Oleh itu mereka boleh menjadi sumber serta mentor dalam mengongsi pengalaman dan pengetahuan yang bernilai untuk kita.

Di Negara Brunei Darussalam (NBD) warga emas merangkumi 10.8 peratus (48,800 orang) daripada keseluruhan jumlah penduduk. Peningkatan jumlah penduduk warga emas di negara ini semakin ketara susulan peningkatan jangka hayat yang disebabkan oleh kualiti kehidupan rakyat dan taraf kesihatan yang semakin bertambah baik merupakan satu fenomena yang dialami oleh kebanyakan negara termasuk NBD.

Bagi meningkatkan kesedaran mengenai peranan penting warga emas dalam masyarakat, tarikh 1 Oktober merupakan Sambutan Hari Antarabangsa Warga Emas (HAWE) yang mana pada tahun ini, NBD bersama negara-negara ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menyambutnya bagi kali yang Ke-34.

Tema untuk sambutan tahun ini ialah 'Meniti Usia dengan Bermaruah : Kepentingan Memperkuuh Sistem Penjagaan dan Sokongan Untuk Warga Emas Seluruh Dunia'.

Dengan adanya sambutan ini, ia juga adalah adalah untuk memastikan rakyat di negara ini berpeluang mencapai umur tua dengan sihat, aktif, bermaruah serta berupaya melibatkan diri dalam masyarakat sebagai individu yang mempunyai hak yang tersendiri.

Dari aspek sosial, warga emas berperanan utama dalam pengukuhan dan kestabilan keluarga, dan menjadi pengikat silaturahim di

antara ahli keluarga manakala dari segi kebudayaan pula, warga emas menyampaikan nilai-nilai budaya dan tradisi kepada generasi seterusnya agar warisan tidak hilang ditelan zaman.

Pertubuhan-pertubuhan warga emas di NBD juga aktif dengan kegiatan mereka malahan pertubuhan mereka juga dapat bekerjasama dengan beberapa pihak demi meningkatkan pengetahuan dan menjaga kesejahteraan mereka.

Misalnya kerjasama Pertubuhan WARGAMAS dan Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam telah terjalin sejak tahun 2023.

Beberapa projek dan program telah dilaksanakan iaitu kajian dalam bidang sains kesihatan antaranya Program Tegas - Larian Amal, Aktiviti Kesihatan dan Penjagaan Pergigian, Aktiviti Kesihatan Mata dan Katarak dan juga Kesihatan Warga Emas - General Checkup.

Begitu juga dengan penubuhan Pusat-pusat Kegiatan Warga Emas di negara ini yang dihasrat menjadikan platform untuk membolehkan warga emas untuk bergiat lebih aktif, terutamanya dalam menyumbang khidmat bakti yang berterusan kepada negara dan berfungsi sebagai satu pusat bagi warga emas menjalankan program serta aktiviti harian yang bercorak pendampingan sosial dan pembangunan kepada golongan warga emas yang melibatkan kerjasama rakan strategik di antara agensi kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan serta masyarakat setempat sebagai kaedah Whole of Nation.

Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) juga bertujuan sebagai pusat menimba ilmu pengetahuan, mengisi masa lapang dan meningkatkan kemahiran dalam pelbagai bidang, seperti riadah, keagamaan, kesihatan, sosial dan lain-lain ke arah mencapai matlamat-matlamat dalam Pelan Tindakan Warga Emas.

Pada masa yang sama, PKWE dihasrat untuk menyokong pembangunan warga emas melalui persekitaran yang membolehkan mereka meningkatkan kualiti hidup warga emas yang produktif dan

berdikari melalui penuaan aktif (active ageing) menerusi penyediaan 'Community Support Centre'.

### Kebajikan warga emas

Di NBD, kesejahteraan warga emas sentiasa dipeduli melalui pendekatan holistik dan bersepada daripada pelbagai pihak.

Setakat Ogos 2024, seramai 43,272 warga emas menerima pencecang umur tua setiap bulan, dan daripada jumlah itu, seramai 825 warga emas menerima dua faedah, iaitu menerima pencecang umur tua dan elauan kelainan upaya. Manakala, lebih kurang 350 warga emas juga menerima elauan penyediaan penjagaan sebagai penjaga golongan penerima elauan kurang upaya.

Selain itu melalui Majlis Kebangsaan Isu Sosial dan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, akan melancarkan Pelan Tindakan Warga Emas : Ke Arah Penuaan Yang Berjaya pada tahun ini.

Pelan tindakan tersebut menekankan kesejahteraan, perlindungan dan pemerkasaan warga emas yang dihasratkan untuk mencapai kemajuan dan inklusiviti golongan warga emas di tanah air.

Semua ini adalah bagi menyokong warga emas kita untuk sentiasa aktif dan giat menjalankan aktiviti sosial, keagamaan, sukan, keusahawanan dan juga pendidikan.

Kejayaan seorang graduan warga emas berumur 80 tahun yang telah mendapat Ijazah Sarjana Sains dalam Civil Engineering di Universiti Teknologi Brunei baru-baru ini membuktikan tiada halangan bagi warga emas untuk meraih kecemerlangan yang lazimnya diraih oleh golongan muda dalam pembelajaran sepanjang hayat.

### Cara berbuat baik

Pelbagai cara untuk kita berbuat baik kepada golongan warga emas. Antara perkara yang boleh dilakukan seperti memudahkan segala urusan harian seperti membantu mereka dalam melakukan amal

ibadat.

Selain itu kita juga dituntut untuk menghormati dan mengasihi mereka seperti menjaga adab dan tingkah laku ketika bersama mereka.

Mengutamakan mereka dari segala urusan dunia ini misalnya memberikan tempat beratur khas bagi warga emas adalah satu langkah terpuji.

Bahkan sekecil-kecil usaha yang boleh dilakukan ialah sentiasa mendoakan kebaikan terhadap mereka seperti saranan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Daripada Abi Darda' Radiallahuanhu, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Tidak ada seorang hamba yang Muslim apabila berdoa kepada saudaranya yang berjauhan (tanpa pengetahuannya), melainkan Malaikat berkata kepada padanya : dan bagi kamu sepertinya (seperti yang didoakan)". [Riwayat Muslim (4912)].

### Penutup

Kita harus sedar bahawa jika dipanjangkan umur, kita yang muda pasti akan merasai tua. Dengan peningkatan umur, maka keupayaan fizikal dan tenaga juga tidak lagi sama sewaktu kita masih muda. Mahu tidak mahu, golongan ini perlu juga bantuan dan sokongan dari golongan muda untuk meringankan beban, misalnya untuk membersihkan rumah dan sebagainya.

Usaha-usaha daripada pelbagai pihak, termasuk agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi, Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan, keluarga, komuniti setempat dan sukarelawan ke arah meningkatkan sistem sokongan bagi warga emas adalah amat dihargai.

Berbuat baik dan berakhlik mulia terhadap warga emas merupakan satu tuntutan agama kepada kita dan patut berada di dalam diri untuk dijadikan sebagai tauzadan kepada semua masyarakat. Mudah-mudahan warga emas di negara ini akan terus dikurniakan kesihatan yang baik agar mereka terus dapat menyumbangkan bakti kepada negara.



## 2 INDIVIDU DIKENAKAN KOMPAUN



**BAHAGIAN Perlesenan dan Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Brunei dan Muara mengeluarkan dua kompaun kerana didapati melakukan kesalahan di bawah Bab 12 (1) (a) Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian (Pindaan 2021).**

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Brunei dan Muara

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 3 Oktober. - Bahagian Perlesenan dan Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) telah mengeluarkan dua kompaun iaitu ke atas dua individu iaitu Nur Afifah binti Norazman dan Siti Rabiatul Nor Rafhanah@Michel binti Omarali masing-masing berjumlah BND100 kerana didapati melakukan kesalahan di bawah Bab 12 (1) (a) Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian (Pindaan 2021).

Jika gagal melunaskan denda kompaun dalam tempoh tujuh hari, kes akan dibawa ke mahkamah di

bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian (Pindaan 2021) iaitu jika sabit kesalahan boleh membawa hukuman tidak melebihi BND3,000 bagi individu, manakala bagi syarikat tidak melebihi BND30,000 atau penjara tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Pihak JDBM juga ingin memohon kerjasama orang ramai untuk menyalurkan sebarang maklumat mengenai pembuangan sampah yang menyalahi undang-undang dengan menyertakan alamat lokasi berserta gambar-gambar melalui pesanan WhatsApp, +673 8321581.

## Padah membuang sampah di tempat awam

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Brunei dan Muara



**JABATAN** Daerah Brunei dan Muara telah mengeluarkan denda kompaun ke atas Ejaz Ahmad, No. Pasport B6595593 berjumlah BND100 kerana didapati melakukan kesalahan di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian (Pindaan 2021) Bab 12 (1) (a) iaitu membuang sampah domestik semasa Ops Bersih.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 3 Oktober. - Bahagian Perlesenan dan Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Brunei dan Muara telah

mengeluarkan denda kompaun ke atas Ejaz Ahmad, No. Pasport B6595593 berjumlah BND100 kerana didapati melakukan kesalahan di bawah Akta

## Seorang individu dikenakan denda kompaun



**UNIT Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Belait (JDB) semasa mengadakan pemantauan harian di beberapa kawasan di bawah kawalan JDB.**

**BELAIT**, Rabu, 2 Oktober. - Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Belait (JDB) mengadakan pemantauan harian di beberapa kawasan di bawah kawalan JDB.

Semasa operasi pemantauan berkenaan, Unit

Penguatkuasaan JDB telah pun mengeluarkan satu denda kompaun ke atas seorang individu. Individu berkenaan dikenakan denda kompaun sebanyak BND400 kerana telah menyalahi di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian, 2021 (Penggal 30), Bab 12 (1) (a), iaitu meletak, melonggok atau mencampakkan sebarang debu, habuk, kertas, abu, bangkai binatang, sampah, kotak, tong, karung, atau barang lain di seberang tempat awam.

Individu berkenaan telah pun menjelaskan denda kompaun berkenaan dan jika gagal menjelaskan pembayaran, individu berkenaan boleh didakwa ke mahkamah.

Unit Penguatkuasaan, JDB sekali lagi memberi peringatan bagi kesalahan-kesalahan berkaitan dengan pembuangan sampah di tempat awam seperti berikut, iaitu mana-mana individu yang melakukan kesalahan di bawah bab berkenaan, jika sabit

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Belait

kesalahan, boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang daripada BND1,000 dan tidak melebihi BND3,000 bagi kesalahan pertama dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh dikenakan denda tidak kurang daripada BND3,000 dan tidak melebihi BND9,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Manakala badan-badan korporat yang melakukan kesalahan pertama di bawah bab berkenaan boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang daripada BND2,000 dan tidak melebihi BND10,000 dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh dikenakan denda tidak kurang daripada BND10,000 dan tidak melebihi BND30,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Operasi atau pemeriksaan

harian yang dijalankan adalah bertujuan bagi memastikan kebersihan persekitaran agar lebih terjaga dan mana-mana individu atau syarikat yang melakukan pembuangan sampah secara tidak bertanggungjawab akan dikenakan tindakan mengikut undang-undang yang telah disediakan.

Unit Penguatkuasaan, JDB sentiasa memberi peringatan kepada mana-mana individu ataupun badan-badan korporat agar mematuhi segala peraturan dan undang-undang yang berkuat kuasa di negara ini bagi sama-sama menjaga kebersihan kawasan dan alam sekitar dengan membuang bahan-bahan buangan di kawasan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Sebarang aduan, bolehlah menghubungi menerusi talian +673 3334335 sambungan 1404 atau 1153 (Unit Penguatkuasaan).

## FABD komited cungkil bakat baharu melalui program pembangunan bola sepak

>> Muka 32

Majlis pelancaran juga menyaksikan penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara YFL dengan FABD.

YFL ditandatangani oleh Pengarah Urusan HiTUNE Group of Companies dan YFL, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang bersama Ketua Pegawai Eksekutif Hitune Group of Companies dan YFL, sementara FABD diwakili oleh Presiden FABD dan Pemangku Setiausaha Agung FABD,

Dayang Hajah Nooranisah binti Haji Idris.

Para penaja kejohanan juga turut menandatangani MoU berkenaan termasuk HavenHous Development Company yang diwakili oleh Dayang Nurul Umi Syakirah binti Hamzah; Retron Contractor diwakili oleh Dayang Nur Raisyah Hervielyanh binti Md. Jeffrey; dan Hitune Universal ditandatangani oleh Dayang Saliza binti Supri.

Pihak YFL juga menandatangani MoU bersama dengan Persatuan Pengadil Bola Sepak Negara Brunei Darussalam (PPBNBD) dan V-FAST yang menjadi komiti kejohanan.

Pada majlis berkenaan juga,

Pengarah Urusan HiTUNE Group of Companies menyampaikan baju jersi rasmi pengadil liga perlawanan kepada Setiausaha PPBNBD, Awang Mohammad Amir bin Haji Awang Mohd. Yunos.

Sementara itu, penjaga gol pasukan Kampung Buangkok Futsal Team, Kenneth Kwang menzhairkan penghargaan kepada pengajar atas penerimaan pasukan berkenaan menyertai kejohanan BEFL sekali gus akan menjadikan kejohanan BEFL lebih mencabar.

Menurutnya, penyertaan berkenaan akan menjadi pengukur sejauh mana kemantapan pasukan Kampung Buangkok

■ Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Futsal Team dalam menyertai persaingan di luar negara khususnya dalam BEFL berkenaan.

Persaingan Division 1 BEFL 2024/2025 akan melibatkan pasukan-pasukan Kasuka Ar-Rawda, MS ABDB, Almerez Hitune FC, Kota Ranger FC, Shah Utd, Arbisyam FC, DDT FT dan Kampung Buangkok FC dari Singapura. Sementara Division 2, BPFL bakal menyaksikan persaingan daripada 10 pasukan futsal.

Pada sidang media yang diadakan sejurus majlis perasmian, pihak pengajar

menyatakan format kejohanan BFL kali ini berlainan dari musim sebelumnya memandangkan perlawanan bagi BEFL dan BPFL akan diadakan sehingga Jun tahun hadapan, dan ia akan dibahagikan kepada dua tempat, iaitu di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas; dan Osca Sdn. Bhd. Indoor Futsal Court, Universiti Brunei Darussalam. Orang ramai terutama sekali peminat sukan berkenaan dialu-alukan untuk hadir beramai-ramai bagi memberikan sokongan padu kepada para pemain.

# INDONESIA LANCAR PELAN KEBANGSAAN PENCEGAHAN DAN KAWALAN KANSER

JAKARTA, 4 Okt. - Indonesia secara rasmi melancarkan 'Pelan Pencegahan dan Kawalan Kanser Kebangsaan 2024-2034' semasa pembukaan Persidangan Kanser Antarabangsa Indonesia (IICC) 2024 di Bali pada Khamis, lapor ANTARA.

Menteri Kesihatan Budi Gunadi Sadikin mengesahkan bahawa pelan itu adalah perkembangan baru dalam usaha memerangi penyakit maut berkenaan di Indonesia.

Beliau menekankan enam strategi utama yang dirumuskan untuk memperkuuh usaha

mencegah, mengesan, merawat, dan menguruskan kanser.

"Salah satu tumpuan utama pelan ini adalah pencegahan dan pengesan awal. Kerajaan akan melaksanakan kempen pendidikan secara intensif untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan gaya hidup sihat dan pengesan awal," kata Sadikin dalam satu kenyataan.

Bagi mempercepatkan penemuan kes dan memastikan rawatan kanser yang lebih berkesan, menteri itu berkata kerajaan menyasarkan saringan dan pengesan awal mencapai 70

peratus melalui saringan kanser serviks menggunakan kaedah IVA bagi wanita berusia 30 hingga 50 tahun.

Selain itu, kerajaan juga akan menjalankan saringan kanser paru-paru dan kanser colorectal dengan sasaran tertentu dalam pelbagai kumpulan umur.

Sadikin turut berkata kerajaan akan meningkatkan saringan awal kanser payudara melalui pemeriksaan klinikal dan USG.

"Kanser adalah penyakit yang sangat ditakuti masyarakat. Sebenarnya, dengan teknologi yang ada sekarang, selagi ia

dikesan lebih awal, 90 peratus kes boleh dirawat dan disembuhkan," katanya.

Oleh itu, menteri berkenaan menggesa orang ramai untuk menjalani saringan rutin dan tidak bimbang untuk diperiksa.

"Pencegahan juga ada, contohnya kanser serviks boleh dicegah dengan imunisasi HPV," katanya.

Bagi menyokong rawatan kanser, kerajaan komited menambah kemudahan dan peralatan kesihatan di hospital seluruh Indonesia. Menjelang 2027, peralatan diagnostik tambahan seperti 276 mamogram,



236 imbasan CT, 34 SPECT-CT, dan lapan PET-CT akan disediakan.

Selain itu, Sadikin berkata kerajaan akan meningkatkan keupayaan hospital di 514 daerah dan bandar serta 38 wilayah untuk menyediakan perkhidmatan kanser yang lengkap, termasuk penjagaan palliatif.

Beliau berharap dengan pelan komprehensif ini, Indonesia dapat menjadi contoh dalam kawalan kanser di peringkat serantau dan global. - ©BERNAMA

## Taufan Krathon ragut lima nyawa di utara Filipina

MANILA, 4 Okt. - Lima orang terkorban selepas Taufan Krathon melanda utara Filipina, lapor agensi berita Jerman (dpa) memetik kenyataan agensi bencana negara pada Jumaat.

Seramai empat mangsa maut di Wilayah Ilocos, kebanyakannya

akibat lemas, manakala seorang lagi maut akibat terkena renjatan elektrik di Lembah Cagayan.

Angin kencang dan hujan lebat melanda wilayah pulau Batanes, Wilayah Ilocos, kawasan pergunungan Cordillera, dan Lembah Cagayan menyebabkan

kejadian banjir dan tanah runtuh.

Ratusan penduduk terpaksa meninggalkan kediaman mereka dan mencari tempat perlindungan.

Kerosakan infrastruktur dianggarkan melebihi 700 juta peso (US\$12.7 juta), manakala kerugian pertanian melebihi 300 juta peso. - ©BERNAMA

## Kes Mpoxy di Uganda meningkat kepada 41

KAMPALA, 4 Okt. - Jumlah kes Mpoxy yang disahkan di Uganda meningkat kepada 41 dalam tempoh dua minggu lalu, menurut data yang dibentangkan dalam satu konsortium serantau mengenai penyakit ini.

Timbalan komander insiden Mpoxy di Uganda, Atek Kagirita memaklumkan kepada pakar-pakar dari Afrika Timur dan Tengah yang berkumpul di Uganda lewat Rabu untuk menghadiri 'Interdisciplinary Consortium for Epidemic Research Symposium on

Mpoxy' bahawa penularan penyakit ini semakin pesat di kawasan tengah Uganda, lapor Xinhua.

Simposium ini diadakan bagi membina kerjasama antara negara-negara serantau untuk respons yang lebih terkoordinasi terhadap wabak Mpoxy.

"Kami kini mempunyai 41 kes yang disahkan, dan sebahagian masih dalam pengasingan," kata Kagirita.

Tiada kematian dilaporkan setakat ini dan pihak berkuasa sedang terus mengesan kontak

rapat.

Mpoxy, yang juga dikenali sebagai cacar monyet merebak melalui kontak rapat, dengan simptom termasuk demam, Bengkak kelenjar limfa, sakit tekak, sakit otot, ruam kulit, dan sakit belakang.

Uganda mengisyiharkan wabak Mpoxy pada Ogos.

Pada akhir bulan Ogos, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisyiharkan Mpoxy sebagai kecemasan kesihatan awam yang menjadi perhatian

## Jokowi daftar untuk berpindah ke Surakarta

SURAKARTA, Jawa Tengah, 3 Okt. - Presiden Joko Widodo (Jokowi) telah mendaftar untuk menukar tempat kediamannya ke Surakarta, Jawa Tengah kerana beliau akan berpindah ke kampung halamannya selepas tempoh perkhidmatannya sebagai presiden berakhir bulan ini, lapor Agensi Berita ANTARA.

"Presiden (Jokowi) telah memohon agar kediamannya didaftarkan semula sebagai Surakarta pada September lepas," kata Setiausaha Daerah Kota Surakarta, Budi Murtono, di sini pada Rabu (2 Oktober).

Murtono berkata pihak berkuasa tempatan tidak mempunyai sebarang rancangan untuk menganjurkan majlis menyambut kepulangan Jokowi dan Wanita Pertama Iriana yang kembali ke Surakarta selepas 10 tahun di Jakarta.

Setiausaha daerah itu turut menyatakan bahawa kediaman Naib Presiden terpilih, Gibran Rakabuming Raka masih didaftarkan di Surakarta. Beliau juga memaklumkan bahawa pihak berkuasa tempatan belum menerima sebarang permohonan daripada Gibran untuk menukar kediamannya ke ibu negara.

Oleh itu, Jokowi dan Gibran akan didaftarkan untuk mengundi dalam pilihan raya tempatan 2024 di Surakarta.

Ketua Suruhanjaya Pilihan Raya Umum (KPU) Kota Surakarta Bambang Christanto sebelum ini mengesahkan bahawa Jokowi dan Iriana telah didaftarkan untuk mengundi di tempat mengundi no.12 di Kampung Sumber, Kecamatan Banjarsari.

Sementara itu, Gibran dan isterinya Selvi Ananda telah didaftarkan dalam daftar pemilih di

tempat mengundi no.18 di Kampung Manahan, juga di Banjarsari.

Christanto berkata tiada layanan istimewa akan diberikan kepada keluarga presiden kerana mengikut peraturan, keutamaan hanya akan diberikan kepada warga emas serta pengundi yang sakit, hamil, atau kurang upaya.

Pada Jun lepas, Setiausaha Kementerian Sekretariat Negara, Setya Utama mengesahkan bahawa Jokowi telah memilih sebidang tanah di Karanganyar, Jawa Tengah berhampiran dengan kampung halamannya di Surakarta untuk kediamannya pada masa depan.

Mengikut undang-undang, bekas presiden dan naib presiden berhak menerima geran rumah sekali sahaja, termasuk perabot dan kemudahan daripada kerajaan. - ©BERNAMA

## Presiden Abbas seru tindakan segera hentikan pencerobohan Israel di Gaza dan Lubnan

RAMALLAH, 3 Oktober. - Presiden Palestin Mahmoud Abbas berkata bahawa Negara Palestin berusaha untuk menamatkan pendudukan dan menghentikan pencerobohan Israel di Semenanjung Gaza, lapor Agensi Berita dan Maklumat Palestin (WAFA).

Pencerobohan di Gaza, Tebing Barat dan Baitulmaqdis perlu dihentikan sepenuhnya bagi menamatkan pendudukan ke atas Negara Palestin dengan ibu negaranya di Baitulmaqdis Timur, kata Abbas.

Dalam ucapannya pada Sidang Kemuncak Ketiga Dialog Kerjasama Asia di Doha, Abbas berkata bahawa walaupun berdepan kesulitan yang ditimbulkan oleh pendudukan, atlet Palestin seperti rakyat mereka yang lain, terus gigih dan tabah mencapai kejayaan yang membanggakan.

Negara Palestin juga mengamalkan diplomasi sukan melalui penyertaannya dalam semua forum sukan antarabangsa.

"Sidang kemuncak ini diadakan ketika rantau ini sedang menghadapi bahaya besar akibat keenggan Israel menghentikan pendekatan keganasan dan pencerobohan."

"Rakyat Palestin, termasuk atlet kami serta rakyat Lubnan, kini menjadi mangsa pencerobohan kejam Israel, yang meragut ribuan nyawa kanak-kanak, wanita, dan warga emas," kata presiden itu.

Beliau juga berkata bahawa pencerobohan berterusan Israel telah memusnahkan lebih 90 peratus infrastruktur di Semenanjung Gaza, termasuk kemudahan dan prasarana sukan.

Abbas menekankan bahawa keamanan dan toleransi tidak boleh wujud bersama dengan pendudukan, diskriminasi kaum, pembersihan etnik, penindasan ketidakadilan yang menghalang rakyat Palestin daripada mencapai aspirasi mereka untuk kebebasan dan kemerdekaan.

Beliau menyeru masyarakat antarabangsa untuk campur tangan segera bagi menghentikan pencerobohan kejam terhadap Palestin dan Lubnan. - ©BERNAMA

## Laos luluskan kenaikan gaji untuk pekerja bergaji rendah di tengah inflasi tinggi

VIENTIANE, 3 Okt. - Kerajaan Laos telah mengarahkan perniagaan dan penyedia perkhidmatan untuk membayar eluan sokongan yang lebih tinggi kepada pekerja berpendapatan rendah bagi menangani kos sara hidup yang meningkat, lapor Xinhua.

Kementerian Buruh dan Kebajikan Sosial Laos mengeluarkan notis, berkuat kuasa pada 1 Okt yang menggesa majikan dalam unit perniagaan dan perkhidmatan untuk membayar gaji minimum bulanan sebanyak 2.5 juta kip Lao (kira-kira AS\$114), menurut laporan kementerian pada Khamis.

Gaji minimum ketika ini berada pada 1.6 juta kip (kira-kira AS\$73). Bagaimanapun, dengan kenaikan kos sara hidup yang mendadak, kerajaan menganggap adalah perlu untuk memberikan sokongan tambahan kepada pekerja di seluruh negara.

Kenaikan gaji dan eluan baru ini merupakan sebahagian daripada usaha kerajaan yang lebih luas untuk membantu pekerja menghadapi tekanan ekonomi akibat kos sara hidup yang tinggi dan inflasi.

Inflasi di Laos masih menjadi kebimbangan utama, walaupun sedikit menurun kepada 21.7 peratus pada September 2024, berbanding 24.3 peratus pada Ogos.

Sementara itu, inflasi yang tinggi dan penurunan nilai kip bermakna pekerja dibayar kurang dalam terma sebenar, yang melemahkan kapasiti perbelanjaan mereka dan dipercayai memaksa ramai daripada mereka mencari pekerjaan di negara lain, menyebabkan kekurangan tenaga buruh domestik semakin buruk. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



## FABD KOMITED CUNGKIL BAKAT BAHARU MELALUI PROGRAM PEMBANGUNAN BOLA SEPAK

OFFICIAL HANDOVER OF MOLTEN BALLS TO EVERY ELITE FUTSAL CLUB



PRESIDEN Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD), Awang Haji Feisal bin Haji Mohd. Eusoff menyempurnakan Majlis perasmian kejohanan BFL edisi 2024/2025 di FABD House.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 4 Oktober. - Kejohanan Brunei Futsal League (BFL) 2024/2025 bakal menampilkan kehebatan daripada lapan pasukan terbaik tempatan termasuk sebuah pasukan dari

Republik Singapura untuk bersaing dalam Division 1, Brunei Elite Futsal League (BEFL) dan 10 pasukan akan bersaing dalam Brunei Premier Futsal League (BPFL) bagi Division 2.

Majlis perasmian kejohanan

BFL edisi 2024/2025 berkenaan disempurnakan oleh Presiden Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD), Awang Haji Feisal bin Haji Mohd. Eusoff di FABD House, di sini.

Pada ucapan perasmian,

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Awang Haji Feisal menjelaskan FABD akan terus komited dalam usaha mencungkil bakat-bakat baharu melalui program pembangunan bola sepak terutama daripada peringkat akar umbi.

"FABD yakin dengan asas yang kukuh dan sokongan berterusan, bakat-bakat muda ini akan berkembang dan akan mengharumkan nama negara di peringkat lebih tinggi suatu hari nanti," jelasnya.

Terdahulu, Ketua Pegawai Eksekutif HiTUNE Group of Companies dan Yakin Football League (YFL), Dayang Hernah Nur Imani binti Muhd. Jeffrey dalam ucapan alu-aluan menjelaskan kepercayaan yang diberikan kepada YFL untuk menganjur kejohanan BFL bagi

edisi 2024/2025 merupakan mercu tanda perkembangan kepada YFL sebagai platform dalam sama-sama membantu mengerakkan kemajuan, pembangunan dan kejayaan sukan bola sepak dan futsal di negara ini.

Menurutnya, format baharu yang diperkenalkan bagi kejohanan yang dibahagikan kepada BEFL dan BPFL berkenaan menyaksikan satu lagi perkembangan yang sangat signifikan kepada sukan futsal negara yang sudah setentunya akan menyaksikan perlawanan-perlawanan yang menarik dan mencabar bagi setiap pasukan.

>> Muka 30

## Royal Bees menang bergaya

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Azmah Haji Ahad



SETIAUSAHA Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) semasa bergambar ramai bersama Pasukan Bola Jaring Kebangsaan Brunei Darussalam, Royal Bees (RB) dan Pasukan Bola Jaring Sri Lanka State Services (SLSS).

**BERAKAS**, Jumaat, 4 Oktober. - Pasukan Bola Jaring Kebangsaan Brunei Darussalam, Royal Bees (RB) berjaya menewaskan Pasukan Bola Jaring Sri Lanka State Services (SLSS) dengan jaringan 66 berbalas 52 pada siri perlawanan persahabatan hari ini.

Pada perlawanan berkenaan, RB menentang SLSS melalui empat set perlawanan yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

SLSS mendahului jaringan pada suku pertama dengan 17 berbalas 14.

Namun, RB bangkit memberikan saingan dengan kiraan 19 - 13 pada set kedua, diikuti suku ketiga dengan jaringan 49 - 42 dan 66 - 52 pada set terakhir.

Kedua-dua pasukan akan meneruskan lagi perlawanan persahabatan pada Sabtu, 5 Oktober 2024 jam 9.00 pagi di gelanggang yang sama.

Antara yang hadir menyaksikan perlawanan persahabatan berkenaan, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari; Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsafelah; Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Pertahanan, Dayang Poh Kui Choon; Pengarah Belia dan Sukan, KKBS, Dayang Hajah Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim; dan Presiden Persatuan Bola Jaring Kebangsaan Brunei Darussalam (BNA), Lettenan Kolonel (B) Hajah Wan Shahlimar binti Haji Suhaili.

Perlawanan berkenaan diharap akan dapat meningkatkan lagi prestasi Pasukan Bola Jaring Kebangsaan dan sebagai salah satu persiapan pasukan negara untuk menghadapi Kejohanan Bola Jaring Asia (Asian Netball Championship – ANC) yang akan diadakan di Bangalore, India.

## Tahukah Awda

**K**OMPLEKS Tamu Tutong dibuka secara rasmi pada 31 Ogos 2007 dan telah direalisasikan melalui Rancangan Kemajuan Negara Kelapan menelan belanja kira-kira BND9 juta untuk prasarana bangunan berkenaan. Kira-kira 200 lebih pengusaha termasuklah warga emas ikut menjual di Tamu Tutong. Selain itu, kompleks tersebut juga mempunyai satu tempat bagi 'Tamu Mingguan Satu Kampung Satu Produk (1K1P)' sebagai satu inisiatif dalam mempromosikan produk-produk orang kampung dari Daerah Tutong, Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Belait. Tamu Mingguan 1K1P ini dilancarkan pada bulan September 2020.

SUMBER : Pelita Brunei 2016.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

MENJAGA DAN MEMEDULI WARGA EMAS